



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

BAZAR RAMADAN DAN AIDILFITRI

MALAYSIA 2025





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK BAZAR RAMADAN DAN AIDILFITRI MALAYSIA 2025

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan memperkerusi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	: StatsMalaysia
E-mel / <i>E-mail</i>	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / general enquiries)
	: data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / data request & enquiries)
Harga / <i>Price</i>	: RM25.00

Diterbitkan pada Jun 2025 / *Published in June 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 3009 – 0164

Kata Pengantar

Penerbitan Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025 memaparkan statistik utama berdasarkan Survei Bazar Ramadan dan Aidilfitri yang bermula pada 2 hingga 30 Mac 2025. Survei ini dilaksanakan secara temu ramah bersemuka terhadap peniaga dan pemerhatian di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia.

Laporan ini memaparkan nilai jualan, bilangan pekerja dan bilangan gerai perniagaan di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri yang beroperasi di seluruh negara bagi tahun 2025. Statistik yang diterbitkan adalah sehingga di peringkat daerah. Laporan ini memberikan maklumat penting yang boleh dijadikan input kepada agensi-agensi kerajaan, ahli ekonomi dan penyelidik bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar.

Laporan ini mengandungi lima bahagian. Bahagian pertama memaparkan penemuan utama survei ini. Bahagian kedua pula membentangkan rencana khas berkaitan Bazar Ramadan & Aidilfitri. Bahagian tiga penerbitan ini memuatkan rangkuman newsletter dan infografik berkaitan Ramadan dan Aidilfitri. Sementara itu, bahagian keempat pula memaparkan jadual statistik Survei Bazar Ramadan dan Aidilfitri. Bahagian lima pula mengandungi nota teknikal bagi menerangkan konsep, definisi dan metodologi bagi membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan. Semua data/maklumat yang dilaporkan ini hanya untuk tujuan statistik sahaja.

DOSM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama responden, PBT serta semua agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan survei dan penyediaan laporan ini. Cadangan dan pandangan ke arah memperbaiki lagi laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia
Jun 2025





Isi Kandungan

Kata Pengantar	i
Infografik Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025	1
Bahagian 1: Penemuan Utama Survei Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025	3
Bahagian 2: Rencana	49
Bahagian 3: Rangkuman Infografik Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025	67
Bahagian 4: Jadual Statistik	89
Bahagian 5: Nota Teknikal	113

Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri Malaysia 2025



Bilangan gerai
perniagaan

2025: 96,549
2023: 77,727

11.5%



Nilai
jualan

2025: RM 3.2 bilion
2023: RM 2.5 bilion

12.9%



Jumlah
pekerja

2025: 281,876 orang
2023: 203,667 orang

17.6%

Johor



13,630



RM 476 juta



44,525 orang

Kedah



9,652



RM 218 juta



26,050 orang

Kelantan



3,979



RM 106 juta



10,869 orang

Melaka



4,009



RM 90 juta



13,108 orang

Negeri Sembilan



4,797



RM 120 juta



13,883 orang

Pahang



4,688



RM 125 juta



13,272 orang

Pulau Pinang



6,832



RM 272 juta



27,226 orang

Perak



5,988



RM 176 juta



20,548 orang

Perlis



660



RM 15 juta



1,813 orang

Selangor



15,000



RM 668 juta



38,811 orang

Terengganu



9,453



RM 212 juta



20,045 orang

Sabah



5,595



RM 127 juta



13,930 orang

Sarawak



5,633



RM 171 juta



17,723 orang

W.P. Kuala Lumpur



5,417



RM 381 juta



16,142 orang

W.P. Labuan



271



RM 7 juta



823 orang

W.P. Putrajaya



945



RM 46 juta



35,417 orang

* Tahun ke tahun



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Bahagian 1

Penemuan Utama Survei Bazar
Ramadan dan Aidilfitri 2025



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

A. Penemuan Utama

1. PENDAHULUAN

Penerbitan ini memaparkan statistik bagi bilangan gerai perniagaan, nilai jualan dan jumlah pekerja di bazar Ramadan dan Aidilfitri yang beroperasi di seluruh negara bagi tahun 2025. Statistik ini dikumpul melalui survei di lapangan yang telah dilaksanakan dalam tempoh 2 Mac hingga 31 Mac 2025.

2. PRESTASI BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI SECARA KESELURUHAN DI MALAYSIA

Bilangan gerai perniagaan yang beroperasi di bazar Ramadan dan Aidilfitri meningkat daripada 77,727 gerai pada tahun 2023 kepada 96,549 gerai pada tahun 2025 dengan kadar pertumbuhan tahunan 11.5 peratus. Prestasi Bazar Ramadan dan Aidilfitri menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan pada tahun 2025 dengan nilai jualan meningkat 12.9 peratus, mencapai RM3.2 bilion berbanding RM2.5 bilion pada tahun 2023. Peningkatan ini seiring dengan pertambahan bilangan pekerja 17.6 peratus, merekodkan 281,876 orang seperti di **Paparan 1**.

Paparan 1: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri, 2023 dan 2025

	 Bilangan Gerai	 Nilai Jualan (RM bilion)	 Jumlah Pekerja (Orang)
2025	96,549	3.2	281,876
2023	77,727	2.5	203,667
 CAGR	11.5%	12.9%	17.6%

2.1. PRESTASI BAZAR RAMADAN DI MALAYSIA

Pada tahun 2025, bilangan gerai perniagaan yang beroperasi di bazar Ramadan meningkat kepada 82,084 gerai berbanding 65,415 gerai pada tahun 2023, dengan kadar pertumbuhan tahunan 12.0 peratus. Bazar Ramadan mencatatkan nilai jualan keseluruhan berjumlah RM2.6 bilion pada tahun 2025, mencerminkan pertumbuhan positif 14.9 peratus berbanding tahun 2023. Sementara itu, bilangan pekerja yang terlibat dalam bazar Ramadan meningkat secara ketara, 18.7 peratus kepada 241,379 orang, berbanding 171,386 orang pada tahun 2023 (**Paparan 2**).

Paparan 2: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja Bazar Ramadan, 2023 dan 2025

	 Bilangan Gerai	 Nilai Jualan (RM bilion)	 Jumlah Pekerja (Orang)
2025	82,084	2.6	241,379
2023	65,415	2.0	171,386
 CAGR	12%	14.9%	18.7%



2.2. PRESTASI BAZAR AIDILFITRI DI MALAYSIA

Bazar Aidilfitri turut mencatatkan pertumbuhan dari segi bilangan gerai perniagaan, iaitu daripada 12,312 gerai pada tahun 2023 kepada 14,465 gerai pada tahun 2025, dengan kadar pertumbuhan tahunan 8.4 peratus. Dari segi nilai jualan, bazar Aidilfitri turut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan jumlah jualan meningkat 5.1 peratus kepada RM0.6 bilion berbanding tahun 2023 (RM0.5 bilion). Dari segi bilangan pekerja, bazar Aidilfitri mencatatkan peningkatan 12.0 peratus, iaitu daripada 32,281 orang pada tahun 2023 kepada 40,497 orang pada tahun 2025 seperti di **Paparan 3**.

Paparan 3: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja Bazar Aidilfitri, 2023 dan 2025

	 Bilangan Gerai	 Nilai Jualan (RM bilion)	 Jumlah Pekerja (Orang)
2025	14,465	0.6	40,497
2023	12,312	0.54	32,281
 CAGR	8.4%	5.1%	12.0%



3. PRESTASI BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI MENGIKUT NEGERI

Bagi prestasi mengikut negeri, Selangor mencatatkan bilangan gerai perniagaan tertinggi di bazar Ramadan dan Aidilfitri pada tahun 2025 dengan 15,000 gerai, 15.5 peratus daripada jumlah keseluruhan gerai. Dari segi prestasi nilai jualan mengikut negeri, Selangor merekodkan nilai jualan tertinggi berjumlah RM0.7 bilion dengan jumlah pekerja 38,811 orang. Ini diikuti oleh negeri Johor dengan nilai jualan RM0.5 bilion dan jumlah pekerja 44,525 orang, sementara itu W.P. Kuala Lumpur yang merekodkan nilai jualan RM0.4 bilion dengan jumlah pekerja 16,142 orang. Ketiga-tiga negeri ini menyumbang kepada 47.5 peratus daripada jumlah nilai jualan bazar Ramadan dan Aidilfitri di seluruh negara.

Paparan 4: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri mengikut Negeri, 2025

	 Bilangan Gerai	 Nilai Jualan (RM juta)	 Jumlah Pekerja (Orang)
 Johor	13,630	475.8	44,525
 Kedah	9,652	218.4	26,050
 Kelantan	3,979	105.9	10,869
 Melaka	4,009	90.0	13,108
 Negeri Sembilan	4,797	120.4	13,883
 Pahang	4,688	125.0	13,272
 Pulau Pinang	6,832	272.3	27,226
 Perak	5,988	175.9	20,548
 Perlis	660	14.9	1,813
 Selangor	15,000	667.9	38,811
 Terengganu	9,453	212.1	20,045
 Sabah	5,595	126.7	13,930
 Sarawak	5,633	170.6	17,723
 W.P. Kuala Lumpur	5,417	381.0	16,142
 W.P. Labuan	271	6.9	823
 W.P. Putrajaya	945	45.7	3,108

3.1. PRESTASI BAZAR RAMADAN MENGIKUT NEGERI

Selangor mencatatkan bilangan gerai perniagaan tertinggi bagi bazar Ramadan pada tahun 2025 dengan 13,127 gerai, diikuti oleh Johor (11,202 gerai), Terengganu (7,893 gerai) dan Kedah (7,847 gerai).

Dari segi analisis prestasi nilai jualan, Selangor merekodkan nilai jualan tertinggi berjumlah RM558.0 juta, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur berjumlah RM361.9 juta dan Johor berjumlah RM331.5 juta. Di samping itu, Pulau Pinang (RM225.5 juta), Terengganu (RM182.2 juta) dan Kedah (RM164.5 juta) turut mencatatkan nilai jualan yang tinggi.

Sementara itu, bilangan pekerja yang terlibat dalam bazar Ramadan meningkat secara ketara, 18.7 peratus kepada 241,379 orang, berbanding 171,386 orang pada tahun 2023. Johor merekodkan bilangan pekerja tertinggi iaitu seramai 37,415 orang, diikuti oleh Selangor dengan 32,989 orang dan Pulau Pinang dengan 25,515 orang.

Paparan 5: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja Bazar Ramadan mengikut Negeri, 2025

	 Bilangan Gerai	 Nilai Jualan (RM juta)	 Jumlah Pekerja (Orang)
 Johor	11,202	331.5	37,415
 Kedah	7,847	164.5	20,541
 Kelantan	3,277	89.4	8,931
 Melaka	3,201	52.7	10,519
 Negeri Sembilan	3,606	91.3	11,246
 Pahang	4,076	96.9	11,688
 Pulau Pinang	6,084	225.5	25,515
 Perak	5,093	148.5	18,113
 Perlis	620	13.6	1,693
 Selangor	13,127	558.0	32,989
 Terengganu	7,893	182.2	16,477
 Sabah	4,649	105.5	11,082
 Sarawak	5,336	153.1	16,999
 W.P. Kuala Lumpur	5,201	361.9	15,528
 W.P. Labuan	227	6.5	735
 W.P. Putrajaya	645	28.3	1,908

3.2. PRESTASI BAZAR AIDILFITRI MENGIKUT NEGERI

Pada tahun 2025, Johor mencatatkan bilangan gerai perniagaan tertinggi di bazar Aidilfitri, iaitu dengan jumlah 2,428 gerai. Selangor merekodkan 1,873 gerai, manakala Kedah dan Negeri Sembilan masing-masing mencatatkan 1,805 dan 1,191 gerai. Beberapa negeri lain juga menunjukkan bilangan gerai perniagaan yang tinggi seperti Perak, Melaka dan Sabah. Keseluruhannya, 14,465 gerai perniagaan telah beroperasi di seluruh negara bagi bazar Aidilfitri.

Dari segi nilai jualan, Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi di peringkat negeri dengan RM144.3 juta, diikuti oleh Selangor berjumlah RM109.8 juta dan Kedah berjumlah RM53.9 juta. Bagi jumlah pekerja, Johor merekodkan bilangan tertinggi iaitu seramai 7,110 orang, diikuti oleh Selangor dengan 5,822 orang dan Kedah dengan 5,509 orang.

Paparan 6: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja Bazar Aidilfitri mengikut Negeri, 2025

		 Bilangan Gerai	 Nilai Jualan (RM juta)	 Jumlah Pekerja (Orang)
	Johor	2,428	144.3	7,110
	Kedah	1,805	53.9	5,509
	Kelantan	702	16.6	1,938
	Melaka	808	37.3	2,589
	Negeri Sembilan	1,191	29.0	2,637
	Pahang	612	28.1	1,584
	Pulau Pinang	748	46.8	1,711
	Perak	895	27.4	2,435
	Perlis	40	1.3	120
	Selangor	1,873	109.9	5,822
	Terengganu	1,560	29.9	3,568
	Sabah	946	21.2	2,848
	Sarawak	297	17.5	724
	W.P. Kuala Lumpur	216	19.0	614
	W.P. Labuan	44	0.4	88
	W.P. Putrajaya	300	17.4	1,200

4. PRESTASI BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI MENGIKUT DAERAH

Pada tahun 2025, tiga daerah utama yang mencatatkan nilai jualan tertinggi bagi bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri ialah Johor Bahru, Petaling dan Gombak. Johor Bahru merekodkan nilai jualan berjumlah RM261.1 juta dengan jumlah pekerja 24,889 orang, diikuti Petaling dengan jumlah RM184.7 juta dan 9,586 orang pekerja dan Gombak berjumlah RM122.0 juta dengan 8,243 orang pekerja.

Paparan 7: Nilai Jualan Tertinggi Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri mengikut Daerah, 2023

 Nilai Jualan (RM juta)	 Daerah	 Jumlah Pekerja (Orang)
261.1	Johor Bahru	24,889
184.7	Petaling	9,586
122.0	Gombak	8,243



4.2. PRESTASI BAZAR RAMADAN MENGIKUT DAERAH

Petaling mencatatkan nilai jualan tertinggi bagi bazar Ramadan, RM163.9 juta bagi tahun 2025, dengan jumlah pekerja 8,896 orang. Johor Bahru daerah kedua tertinggi dengan nilai jualan RM162.1 juta dan 21,295 orang pekerja, diikuti oleh Gombak yang merekodkan RM120.8 juta nilai jualan dan 8,123 orang jumlah pekerja.

Paparan 8: Nilai Jualan Tertinggi Bazar Ramadan mengikut Daerah, 2025

 Nilai Jualan (RM juta)	 Daerah	 Jumlah Pekerja (Orang)
163.9	Petaling	8,896
162.1	Johor Bahru	21,295
120.8	Gombak	8,123



4.3 PRESTASI BAZAR AIDILFITRI MENGIKUT DAERAH

Johor Bahru mencatatkan nilai jualan tertinggi bagi bazar Aidilfitri berjumlah RM99.0 juta dengan penglibatan 3,594 jumlah pekerja pada tahun 2025. Daerah Klang kedua tertinggi dengan nilai jualan RM55.6 juta dan 2,772 orang pekerja, manakala Melaka Tengah mencatatkan nilai jualan berjumlah RM36.0 juta dengan 2,259 orang pekerja.

Paparan 9: Nilai Jualan Tertinggi Bazar Aidilfitri mengikut Daerah, 2025

 Nilai Jualan (RM juta)	 Daerah	 Jumlah Pekerja (Orang)
99.0	Johor Bahru	3,594
55.6	Klang	2,772
36.0	Melaka Tengah	2,259



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Penemuan Mengikut Negeri Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



13,630



RM 475.8 juta



44,525 orang

Batu Pahat



1,461



RM 48.8 juta



4,732 orang

Johor Bahru



6,412



RM 261.1 juta



24,889 orang

Kluang



868



RM 25.5 juta



2,188 orang

Kota Tinggi



1,200



RM 38.8 juta



3,722 orang

Kulai



998



RM 25.7 juta



2,334 orang

Tangkak



361



RM 9.3 juta



880 orang

Mersing



176



RM 4.2 juta



302 orang

Muar



789



RM 23.0 juta



1,975 orang

Segamat



652



RM 19.4 juta



1,607 orang

Pontian



713



RM 19.8 juta



1,896 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Johor

Negeri Johor mencatatkan bilangan gerai perniagaan berjumlah 13,630 gerai bagi bazar Ramadan dan Aidilfitri tahun 2025. Daerah Johor Bahru merekodkan bilangan gerai perniagaan tertinggi dengan 6,412 gerai dan diikuti oleh Batu Pahat berjumlah 1,461 gerai. Daerah Kota Tinggi pula menyumbang 1,200 gerai manakala Kulai merekodkan 998 gerai.


Dari segi nilai jualan, negeri Johor merekodkan nilai jualan keseluruhan berjumlah RM475.8 juta dengan daerah tertinggi turut direkodkan oleh Johor Bahru berjumlah RM261.1 juta. Batu Pahat dan Kota Tinggi masing-masing mencatatkan nilai jualan RM48.9 juta dan RM38.8 juta. Kulai pula merekodkan nilai jualan berjumlah RM25.7 juta.

Jumlah pekerja di Johor berjumlah 44,525 orang bagi tempoh pelaksanaan bazar Ramadan dan bazar 2025. Johor Bahru mencatatkan jumlah pekerja tertinggi iaitu 24,889 orang, diikuti Batu Pahat dengan 4,732 orang. Kota Tinggi dan Kulai masing-masing dengan jumlah pekerja 3,722 orang dan 2,334 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



9,652



RM 218.4 juta



26,050 orang

Langkawi



356



RM 6.2 juta



782 orang

Kubang Pasu



1,091



RM 26.9 juta



3,006 orang

Padang Terap



489



RM 6.6 juta



1,484 orang

Sik



290



RM 2.7 juta



748 orang

Pendang



667



RM 12.5 juta



1,911 orang

Kota Setar



1,439



RM 39.0 juta



4,492 orang

Kuala Muda



2,482



RM 58.2 juta



5,557 orang

Yan



527



RM 7.5 juta



1,640 orang

Baling



619



RM 22.8 juta



1,899 orang

Kulim



1,159



RM 25.9 juta



2,775 orang

Pokok Sena



175



RM 2.1 juta



527 orang

Bandar Baharu



358



RM 8.2 juta



1,229 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Kedah

Pada tahun 2025, Negeri Kedah merekodkan bilangan gerai perniagaan berjumlah 9,652 gerai bagi bazar Ramadan dan Aidilfitri. Daerah yang merekodkan jumlah tertinggi ialah Kuala Muda dengan 2,482 gerai, diikuti oleh Kota Setar berjumlah 1,439 gerai. Daerah lain yang turut menyumbang bilangan gerai perniagaan melebihi 1,000 gerai termasuk Kulim dengan 1,159 gerai serta Kubang Pasu berjumlah 1,091 gerai.


Nilai jualan bazar Ramadan dan Aidilfitri Kedah berjumlah RM218.4 juta. Kuala Muda mencatatkan nilai jualan tertinggi berjumlah RM58.2 juta, diikuti oleh Kota Setar dengan RM39.0 juta. Kulim dan Kubang Pasu pula masing-masing menyumbang RM25.9 juta dan RM26.9 juta.

Bagi jumlah pekerja, 26,050 orang terlibat bagi pelaksanaan bazar di Kedah. Daerah Kuala Muda mencatatkan jumlah pekerja tertinggi iaitu 5,557 orang, diikuti Kota Setar dengan 4,492 orang. Kubang Pasu dan Kulim masing-masing merekodkan 3,006 orang dan 2,775 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Negeri
Kelantan

Jumlah keseluruhan



3,979



RM 105.9 juta



10,869 orang

Kota Bharu



1,477



RM 45.4 juta



4,233 orang

Tumpat



313



RM 8.1 juta



775 orang

Pasir Mas



190



RM 3.8 juta



506 orang

Pasir Puteh



476



RM 6.4 juta



519 orang

Bachok



155



RM 3.9 juta



354 orang

Machang



182



RM 4.0 juta



486 orang

Jeli



208



RM 11.0 juta



834 orang

Tanah Merah



675



RM 16.0 juta



2,000 orang

Gua Musang



160



RM 3.9 juta



500 orang

Kuala Krai



143



RM 3.4 juta



662 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Kelantan

Negeri Kelantan mencatatkan 3,979 gerai perniagaan yang beroperasi di bazar Ramadan dan Aidilfitri pada tahun 2025. Daerah tertinggi ialah Kota Bharu dengan 1,477 gerai, diikuti Tanah Merah berjumlah 675 gerai, Pasir Puteh dan Tumpat masing-masing mencatatkan 476 gerai dan 313 gerai.

Kelantan mencatatkan jumlah nilai jualan keseluruhan berjumlah RM105.9 juta. Kota Bharu mendahului dengan RM45.4 juta, diikuti oleh Tanah Merah dengan RM16.0 juta. Nilai jualan di Jeli RM11.0 juta manakala Tumpat RM8.1 juta dan Pasir Puteh RM6.4 juta.

Jumlah pekerja yang terlibat di bazar Kelantan berjumlah 10,869 orang. Kota Bharu mencatatkan jumlah pekerja tertinggi dengan 4,233 orang, diikuti Tanah Merah dengan 2,000 orang. Daerah Tumpat dan Pasir Puteh merekodkan 775 orang dan 519 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



4,009



RM 90.0 juta



13,108 orang

Melaka Tengah



2,793



RM 70.3 juta



8,994 orang

Alor Gajah



788



RM 13.0 juta



2,756 orang

Jasin



428



RM 6.8 juta



1,358 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Melaka

Pada tahun 2025, Negeri Melaka mencatatkan bilangan gerai perniagaan berjumlah 1,047 gerai di bazar Ramadan dan Aidilfitri. Daerah Melaka Tengah menjadi penyumbang utama dengan 630 gerai, diikuti oleh Alor Gajah berjumlah 261 gerai dan Jasin dengan 156 gerai.


Nilai jualan keseluruhan di Melaka berjumlah RM90.0 juta. Melaka Tengah menyumbang berjumlah RM70.2 juta, jauh mengatasi Alor Gajah yang mencatatkan RM13.0 juta dan Jasin dengan RM6.8 juta.

Melaka merekodkan penglibatan 3,809 orang pekerja di seluruh negeri, dengan daerah Melaka Tengah mencatat jumlah tertinggi iaitu 2,593 orang. Alor Gajah dan Jasin masing-masing mencatatkan 788 orang dan 428 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Negeri
Negeri Sembilan

Jumlah keseluruhan



4,797



RM 120.4 juta



13,883 orang

Seremban



2,601



RM 71.8 juta



7,480 orang

Port Dickson



444



RM 10.4 juta



1,420 orang

Jelebu



144



RM 2.3 juta



455 orang

Rembau



206



RM 6.0 juta



419 orang

Tampin



504



RM 13.3 juta



1,658 orang

Kuala Pilah



476



RM 7.7 juta



1,125 orang

Jempol



422



RM 8.8 juta



1,326 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Negeri Sembilan

Negeri Sembilan mencatatkan 4,797 gerai perniagaan dalam bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025. Seremban menyumbang gerai paling banyak iaitu 2,601 gerai, diikuti Tampin dengan 504 gerai dan Jempol berjumlah 422 gerai.



Nilai jualan keseluruhan bagi Negeri Sembilan berjumlah RM120.4 juta. Seremban mendahului dengan jumlah RM71.8 juta, sementara Tampin dan Jempol masing-masing mencatatkan RM13.3 juta dan RM8.8 juta.

Jumlah pekerja direkodkan di seluruh Negeri Sembilan adalah 13,883 orang, dengan Seremban mencatat jumlah tertinggi iaitu 7,480 orang, diikuti oleh Tampin (1,658) dan Jempol (1,326).



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Negeri
Pahang

Jumlah keseluruhan



4,688



RM 125.0 juta



13,272 orang

Pekan



227



RM 5.7 juta



718 orang

Kuantan



1,890



RM 57.0 juta



5,240 orang

Rompin



754



RM 20.0 juta



2,135 orang

Maran



285



RM 7.2 juta



581 orang

Bera



236



RM 4.4 juta



823 orang

Jerantut



241



RM 4.6 juta



532 orang

Temerloh



537



RM 11.9 juta



1,834 orang

Raub



100



RM 3.0 juta



300 orang

Bentong



178



RM 4.6 juta



398 orang

Lipis



110



RM 3.7 juta



319 orang

Cameron Highlands



130



RM 2.9 juta



392 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Pahang

Negeri Pahang merekodkan bilangan gerai perniagaan berjumlah 4,688 gerai bagi bazar Ramadan dan Aidilfitri pada tahun 2025. Kuantan merekodkan bilangan gerai tertinggi dengan 1,890 gerai, diikuti Temerloh dengan 537 gerai dan Rompin berjumlah 754 gerai. Daerah lain seperti Pekan dan Maran turut merekodkan lebih 200 gerai.

Nilai jualan keseluruhan negeri ini berjumlah RM125.0 juta. Kuantan merupakan penyumbang utama dengan RM57.0 juta, diikuti Rompin RM20.0 juta dan Temerloh RM11.9 juta. Daerah seperti Maran dan Pekan pula masing-masing mencatatkan nilai jualan melebihi RM5.0 juta.

Bagi jumlah pekerja, Pahang merekodkan 13,272 orang pekerja, dengan Kuantan mencatat bilangan tertinggi iaitu 5,240 orang. Rompin dan Temerloh masing-masing merekodkan 2,135 dan 1,834 orang. Daerah seperti Bera, Pekan, Maran dan Jerantut turut mencatat jumlah melebihi 500 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Negeri
Pulau Pinang

Jumlah keseluruhan



6,832



RM 272.3 juta



27,226 orang

Seberang Perai Tengah



2,718



RM 102.6 juta



10,809 orang

Seberang Perai Utara



1,377



RM 33.4 juta



6,033 orang

Seberang Perai Selatan



578



RM 8.9 juta



2,671 orang

Barat Daya



1,065



RM 62.5 juta



3,850 orang

Timur Laut



1,094



RM 65.0 juta



3,863 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Pulau Pinang

Pada tahun 2025, Pulau Pinang merekodkan 6,832 gerai perniagaan bagi bazar Ramadan dan Aidilfitri. Seberang Perai Tengah merupakan daerah tertinggi dengan 2,718 gerai, diikuti oleh Seberang Perai Utara berjumlah 1,377 gerai. Timur Laut, Barat Daya dan Seberang Perai Selatan pula masing-masing mencatatkan lebih 500 gerai.


Pulau Pinang berjaya mencatatkan nilai jualan berjumlah RM272.3 juta. Daerah yang menyumbang nilai jualan tertinggi adalah Seberang Perai Tengah dengan RM102.6 juta, diikuti oleh Timur Laut dengan RM65.0 juta dan Barat Daya dengan RM62.5 juta.

Bagi jumlah pekerja, 27,226 orang direkodkan bagi bazar di Pulau Pinang. Seberang Perai Tengah merekodkan jumlah pekerja tertinggi dengan 10,809 orang, diikuti oleh Seberang Perai Utara berjumlah 6,033 orang dan Timur Laut berjumlah 3,863 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



5,988



RM 175.9 juta



20,548 orang

Batang Padang



148



RM 3.6 juta



399 orang

Manjung



790



RM 22.2 juta



2,478 orang

Kinta



2,097



RM 63.7 juta



6,613 orang

Kerian



453



RM 11.6 juta



1,400 orang

Kuala Kangsar



165



RM 17.4 juta



2,071 orang

Larut dan Matang



879



RM 20.4 juta



2,483 orang

Hilir Perak



340



RM 8.7 juta



1,355 orang

Ulu Perak



91



RM 5.5 juta



722 orang

Bagan Datuk



15



RM 0.5 juta



63 orang

Perak Tengah



173



RM 5.1 juta



529 orang

Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Negeri
Perak

Jumlah keseluruhan



5,988



RM 175.9 juta



20,548 orang

Kampar



111



RM 2.7 juta



380 orang

Muallim



434



RM 9.7 juta



1,354 orang

Selama



292



RM 4.7 juta



701 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Perak

Pada tahun 2025, Negeri Perak merekodkan 5,988 gerai perniagaan bagi bazar Ramadan dan Aidilfitri. Daerah Kinta merekodkan jumlah tertinggi dengan 2,097 gerai, diikuti oleh Larut dan Matang berjumlah 879 gerai serta Manjung dengan 790 gerai. Beberapa daerah lain seperti Kerian dan Muallim turut mencatat lebih 400 gerai perniagaan.


Dari segi nilai jualan, Perak menjana nilai jualan RM175.9 juta pada tahun 2025. Kinta muncul sebagai penyumbang tertinggi dengan RM63.7 juta, manakala Manjung dan Larut & Matang masing-masing mencatatkan RM22.2 juta dan RM20.4 juta. Kuala Kangsar pula menyumbang RM17.4 juta, manakala daerah lain merekodkan nilai antara RM400 ribu hingga RM11 juta.

Jumlah pekerja yang terlibat bagi bazar di Perak berjumlah 20,548 orang. Daerah Kinta menyumbang jumlah pekerja tertinggi iaitu 6,613 orang, diikuti oleh Larut & Matang (2,483 orang), Manjung (2,478 orang) dan Kuala Kangsar (2,071 orang). Kebanyakan daerah lain mencatat jumlah pekerja antara 300 hingga 1,400 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



660



RM 14.9 juta



1,813 orang


Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Perlis

Perlis mencatatkan 660 gerai perniagaan bagi bazar Ramadan dan Aidilfitri tahun 2025. Jumlah nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di Perlis berjumlah RM14.9 juta. Manakala, 1,813 jumlah pekerja terlibat bagi bazar di Perlis. Kesemua prestasi ini menunjukkan sumbangan Perlis dalam skala yang lebih kecil berbanding negeri lain namun tetap menyumbang kepada keseluruhan Malaysia.

Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Negeri
Selangor

Jumlah keseluruhan

	15,000
	RM 667.9 juta
	38,811 orang

Gombak

	2,958
	RM 122.0 juta
	8,243 orang

Ulu Langat

	1,436
	RM 66.1 juta
	3,080 orang

Ulu Selangor

	1,661
	RM 65.4 juta
	4,698 orang

Klang

	2,122
	RM 110.8 juta
	5,866 orang

Kuala Langat

	754
	RM 30.8 juta
	1,887 orang

Kuala Selangor

	1,040
	RM 39.3t juta
	2,636 orang

Petaling

	3,881
	RM 184.7 juta
	9,586 orang

Sepang

	698
	RM 29.1 juta
	1,559 orang

Sabak Bernam

	450
	RM 19.7 juta
	1,256 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Selangor

Pada tahun 2025, Negeri Selangor mencatatkan jumlah gerai perniagaan berjumlah 15,000 gerai bagi bazar Ramadan dan Aidilfitri. Petaling merupakan daerah tertinggi dengan 3,881 gerai, diikuti oleh Gombak berjumlah 2,958 gerai dan Klang berjumlah 2,122 gerai. Kuala Selangor, Hulu Langat, dan diikuti dengan Hulu Selangor masing-masing turut menyumbang dengan lebih 1,000 gerai.



Selangor juga mencatatkan nilai jualan berjumlah RM667.9 juta. Daerah Petaling mendahului dengan RM184.7 juta, diikuti oleh Gombak berjumlah RM122.0 juta dan Klang berjumlah RM110.8 juta. Hulu Langat dan Hulu Selangor turut menyumbang nilai jualan melebihi RM50.0 juta.

Bagi jumlah pekerja, 38,811 orang terlibat dalam pelaksanaan bazar di Selangor. Daerah Petaling mencatatkan bilangan jumlah pekerja tertinggi iaitu 9,586 orang, diikuti oleh Gombak dengan 8,243 orang. Klang dan Hulu Selangor masing-masing mencatatkan lebih 4,000 jumlah pekerja.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



9,453



RM 212.1 juta



20,045 orang

Kuala Terengganu



2,371



RM 73.1 juta



6,478 orang

Kemaman



1,146



RM 35.2 juta



3,234 orang

Dungun



2,693



RM 18.7 juta



1,852 orang

Marang



426



RM 13.3 juta



1,274 orang

Setiu



611



RM 12.7 juta



1,403 orang

Hulu Terengganu



531



RM 12.7 juta



1,373 orang

Besut



838



RM 23.7 juta



2,215 orang

Kuala Nerus



837



RM 22.7 juta



2,216 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Terengganu

Negeri Terengganu mencatatkan 9,453 gerai perniagaan dalam pelaksanaan bazar Ramadan dan Aidilfitri tahun 2025. Daerah Dungun mencatatkan bilangan tertinggi dengan 2,693 gerai, diikuti oleh Kuala Terengganu berjumlah 2,371 gerai dan Kemaman berjumlah 1,146 gerai. Daerah Besut dan Kuala Nerus turut menyumbang lebih 800 gerai.


Terengganu merekodkan nilai jualan keseluruhan berjumlah RM212.1 juta. Kuala Terengganu menyumbang nilai jualan tertinggi dengan RM73.1 juta, diikuti Kemaman berjumlah RM35.2 juta dan Besut berjumlah RM23.7 juta. Daerah lain seperti Dungun dan Marang turut menyumbang lebih RM10.0 juta.

Bagi jumlah pekerja berjumlah 20,045 orang direkodkan di seluruh bazar negeri Terengganu. Kuala Terengganu mencatatkan jumlah pekerja tertinggi iaitu 6,478 orang, diikuti Kemaman (3,234 orang) dan Kuala Nerus (2,216 orang). Daerah lain seperti Dungun, Setiu dan Hulu Terengganu turut mencatat jumlah pekerja antara 1,000 hingga 2,000 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Negeri
Sabah

Jumlah keseluruhan



5,595



RM 126.7 juta



13,930 orang

Tawau



734



RM 15.8 juta



2,211 orang

Lahad Datu



210



RM 3.3 juta



679 orang

Semporna



309



RM 5.5 juta



770 orang

Sandakan



449



RM 9.1 juta



1,575 orang

Kinabatangan



80



RM 1.1 juta



184 orang

Beluran



76



RM 1.3 juta



289 orang

Kota Kinabalu



1128



RM 38.0 juta



1,470 orang

Ranau



164



RM 3.4 juta



480 orang

Kota Belud



166



RM 3.9 juta



192 orang

Tuaran



72



RM 1.4 juta



223 orang

Penampang



73



RM 2.4 juta



306 orang

Papar



178




RM 4.3 juta



464 orang

Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



5,595



RM 126.7 juta



13,930 orang

Kudat



149



RM 2.8 juta



402 orang

Kota Marudu



150



RM 2.8 juta



403 orang

Pitas



42



RM 0.6 juta



84 orang

Beaufort



451



RM 9.1 juta



1,345 orang

Kuala Penyu



121



RM 2.4 juta



292 orang

Sipitang



104



RM 1.5 juta



260 orang

Tenom



95



RM 1.7 juta



192 orang

Nabawan



57



RM 1.1 juta



86 orang

Keningau



190



RM 4.3 juta



617 orang

Tambunan



72



RM 1.6 juta



68 orang

Kunak



129



RM 2.5 juta



214 orang

Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan

	5,595
	RM 126.7 juta
	13,930 orang

Tongod

	7
	RM 0.08 juta
	12 orang

Putatan

	265
	RM 3.2 juta
	690 orang

Telupid

	124
	RM 3.5 juta
	422 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Sabah

Negeri Sabah mencatatkan 5,595 gerai perniagaan bagi bazar Ramadan dan Aidilfitri tahun 2025. Daerah Kota Kinabalu merekodkan jumlah tertinggi dengan 1,128 gerai, diikuti oleh Tawau berjumlah 734 gerai dan Beaufort berjumlah 451 gerai. Daerah lain yang mencatat lebih daripada 300 gerai termasuk Semporna, Sandakan, dan Kunak.


Jumlah nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di Sabah berjumlah RM126.7 juta. Kota Kinabalu menyumbang jumlah tertinggi dengan RM38.0 juta, diikuti oleh Tawau dengan RM15.8 juta dan Sandakan dengan RM9.1 juta. Daerah seperti Beaufort dan Papar turut menjana nilai jualan melebihi RM4.0 juta.

Bagi jumlah pekerja, 13,930 orang pekerja terlibat bagi bazar di Sabah. Tawau mencatatkan bilangan pekerja tertinggi dengan 2,211 orang, manakala Sandakan merekodkan 1,575 orang dan Beaufort berjumlah 1,345 orang. Keningau, Kota Kinabalu dan Lahad Datu juga menyumbang jumlah pekerja yang tinggi, masing-masing melebihi 600 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Negeri
Sarawak

Jumlah keseluruhan

	5,633
	RM 170.6 juta
	17,723 orang

Kuching

	1,807
	RM 65.3 juta
	5,133 orang

Bau

	43
	RM 0.6 juta
	124 orang

Lundu

	88
	RM 1.4 juta
	236 orang

Samarahan

	471
	RM 10.8 juta
	1,317 orang

Serian

	38
	RM 1.4 juta
	150 orang

Simunjan

	50
	RM 1.3 juta
	130 orang

Sri Aman

	172
	RM 5.2 juta
	437 orang

Betong

	110
	RM 3.9 juta
	330 orang

Saratok

	136
	RM 4.3 juta
	463 orang

Sarikie

	12, 671
	RM 411 juta
	35, 417 orang

Meradong



	30
	RM 0.7 juta
	90 orang

Daro

	152
	RM 4.3 juta
	553 orang

Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



5,633



RM 170.6 juta



17,723 orang

Sibu



277



RM 6.7 juta



1,308 orang

Dalat



108



RM 2.7 juta



394 orang

Mukah



134



RM 4.6 juta



704 orang

Bintulu



209



RM 12.2 juta



892 orang

Kapit



44



RM 1.2 juta



150 orang

Miri



589



RM 15.3 juta



2,106 orang

Marudi



50



RM 0.9 juta



194 orang

Limbang



259



RM 6.4 juta



713 orang

Lawas



176



RM 5.4 juta



447 orang

Matu



113



RM 2.9 juta



306 orang

Asajaya



40



RM 0.7 juta



80 orang

Pusa



30




RM 0.7 juta



81 orang

Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Negeri
Sarawak

Jumlah keseluruhan

	5,633
	RM 170.6 juta
	17,723 orang

Kabong

	30
	RM 0.7 juta
	108 orang

Tanjung Manis

	18
	RM 0.4 juta
	42 orang

Subis

	254
	RM 5.3 juta
	632 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

Sarawak

Negeri Sarawak mencatatkan 5,633 gerai perniagaan dalam pelaksanaan bazar Ramadan dan Aidilfitri tahun 2025. Daerah Kuching menjadi penyumbang utama dengan 1,807 gerai, diikuti oleh Samarahan berjumlah 471 gerai dan Sibu dengan 277 gerai. Daerah lain seperti Bintulu dan Mukah turut menyumbang lebih 100 gerai.


Nilai jualan keseluruhan negeri Sarawak berjumlah RM170.6 juta. Kuching mencatatkan nilai tertinggi berjumlah RM65.3 juta, diikuti oleh Bintulu RM12.2 juta, dan Mukah RM4.6 juta. Daerah seperti Sibu dan Daro turut menjana lebih RM4.0 juta.

Jumlah pekerja yang terlibat direkodkan berjumlah 17,723 orang. Daerah Kuching menyumbang bilangan tertinggi dengan 5,133 orang, diikuti oleh Samarahan (1,317 orang), Mukah (704 orang), dan Sibu (1,308 orang). Beberapa daerah lain turut menyumbang antara 300 orang hingga 900 orang.



Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



5,417



RM 381.0 juta



16,142 orang


Penilaian Bazar Mengikut Negeri

W.P. Kuala Lumpur

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan 5,417 gerai perniagaan bagi pelaksanaan bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025. Nilai jualan keseluruhan yang dicatatkan berjumlah RM381.0 juta, manakala bagi jumlah pekerja, 16,142 orang.

Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



271



RM 6.9 juta



823 orang


Penilaian Bazar Mengikut Negeri

W.P. Labuan

Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan 271 gerai perniagaan yang terlibat bagi pelaksanaan bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025. Dari segi nilai jualan, RM6.9 juta direkodkan di W.P. Labuan dan jumlah pekerja, 823 orang.

Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik daerah 2025



Jumlah keseluruhan



945



RM 45.7 juta



3,108 orang

Penilaian Bazar Mengikut Negeri

W.P. Putrajaya

Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan 945 gerai perniagaan yang terlibat bagi bazar tahun 2025. Jumlah nilai jualan keseluruhan yang direkodkan adalah ialah RM45.7 juta. Di samping itu, 3,108 jumlah pekerja terlibat dalam aktiviti bazar di W.P. Putrajaya.

Bahagian 2

Rencana



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Rencana

Kelestarian dan Cabaran Pengurusan Bazar Ramadan dan Aidilfitri: Tinjauan Terhadap Pengalaman Peniaga di Malaysia

Norzarita Samsudin, Raziatul Rashidah Mohd Yusof, Siti Nur Fatimah Muhamad Isa
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Bazar Ramadan dan Aidilfitri merupakan antara aktiviti ekonomi bermusim di Malaysia yang memainkan peranan penting dalam merancakkan ekonomi setempat serta menyediakan platform keusahawanan bagi golongan peniaga kecil dan sederhana (Embong, 2025). Kehadiran bazar ini menjelang Ramadan dan Syawal bukan sahaja mencerminkan tradisi budaya masyarakat, malah turut menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi sektor tidak formal secara bermusim (UPM, 2025).

Secara umumnya, bazar Ramadan menumpukan kepada penjualan pelbagai jenis makanan dan minuman bagi memenuhi keperluan umat Islam yang berpuasa.

Bazar Ramadan Wangsa Maju, bazar Ramadan terpanjang di Kuala Lumpur



Sumber: sinarharian.com.my

Sementara itu, bazar Aidilfitri lebih tertumpu kepada jualan barangan keperluan sambutan Hari Raya seperti pakaian, kuih-muih, perhiasan rumah, dan aksesori. Kewujudan kedua-dua bazar ini bukan sahaja membuka peluang pendapatan tambahan, malah turut merancakkan aktiviti ekonomi setempat dan menyumbang kepada kelangsungan sektor tidak formal secara bermusim.



Sumber: *astroawani.com*

Festival Ramadhan Putrajaya (FRP) 2025 Anjung Syawal, Bazar Aidilfitri terbesar di Lembah Klang

Walaupun penganjuran bazar Ramadan dan Aidilfitri berdepan beberapa cabaran, sumbangannya kepada ekonomi tempatan tetap besar dan tidak dapat dinafikan. Antara aspek yang wajar diberi perhatian untuk penambahbaikan termasuklah pengurusan makanan bagi mengurangkan pembaziran, mengimbangi persaingan produk dalam kalangan peniaga, memilih lokasi yang lebih strategik, serta menyediakan langkah bersesuaian bagi menghadapi perubahan cuaca. Di samping itu, terdapat potensi besar untuk meningkatkan amalan pengurusan lebih makanan dan menambah baik tahap kepuasan peniaga terhadap pengurusan bazar. Oleh itu, memahami pengalaman serta cabaran sebenar yang dilalui oleh para peniaga amat penting agar penganjuran bazar pada masa hadapan dapat dijalankan dengan lebih lestari, cekap dan berkesan.


Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti secara terperinci pengalaman peniaga, mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi dan mencadangkan strategi yang relevan ke arah kelestarian dan kecekapan penganjuran bazar Ramadan dan Aidilfitri pada masa hadapan.

Penyertaan Lelaki dan Wanita dalam aktiviti Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa penglibatan pemilik bazar Ramadhan dan Aidilfitri di Malaysia melibatkan kedua-dua jantina dengan jumlah yang hampir seimbang. Dari segi peratusan, wanita mencatatkan angka yang lebih tinggi iaitu 51.3 peratus, manakala lelaki mewakili 48.7 peratus daripada keseluruhan pemilik bazar. Perbezaan ini memberi gambaran bahawa wanita semakin aktif dan berani menceburi bidang keusahawanan, khususnya dalam perniagaan yang berkaitan dengan bazar Ramadhan dan Aidilfitri. Situasi ini juga memperlihatkan peningkatan peranan wanita dalam sektor ekonomi tempatan.

Justeru, penyertaan seimbang di antara lelaki dan wanita dalam pemilihan bazar Ramadhan dan Aidilfitri membuktikan bahawa bidang ini terbuka luas kepada semua golongan tanpa mengira jantina. Penglibatan aktif kedua-dua pihak mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan memeriahkan suasana bazar yang menjadi tumpuan masyarakat setiap tahun. Selain itu, peluang perniagaan seperti ini juga mampu meningkatkan pendapatan isi rumah dan memperkukuhkan budaya keusahawanan di Malaysia.

**Paparan 1: Peratusan Peniaga Bazar
Ramadan dan Aidilfitri mengikut Jantina,
2025**




Struktur Umur Peniaga Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Berdasarkan taburan umur, majoriti pemilik bazar terdiri daripada mereka yang berada dalam lingkungan usia produktif, terutamanya kumpulan umur 31 hingga 50 tahun yang menyumbang 68.6 peratus daripada keseluruhan populasi peniaga. Kumpulan ini dilihat sebagai pemacu utama ekonomi bazar kerana pada usia ini mereka memiliki keupayaan kewangan, kemahiran pengurusan serta keberanian untuk meneroka peluang perniagaan baharu. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaporkan bahawa lebih 70 peratus peniaga bazar mencatatkan peningkatan keuntungan, dengan 69 peratus melaporkan pertambahan pelanggan dan 63 peratus merekodkan peningkatan hasil jualan, menunjukkan sumbangan signifikan sektor ini kepada ekonomi tempatan (KPDN, 2023).

Dalam konteks yang lebih luas, kesinambungan operasi bazar turut didorong oleh keseimbangan antara generasi. Golongan yang lebih muda membawa elemen inovasi seperti penggunaan platform digital dan strategi pemasaran baharu, manakala golongan pertengahan umur menyumbang dari segi kestabilan operasi serta jaringan pelanggan sedia ada. Sinergi ini mencipta ekosistem perniagaan yang dinamik dan berdaya tahan, selari dengan perkembangan semasa. Menurut Dewan Ekonomi Jendela DBP, aktiviti jualan di bazar Ramadan dan Aidilfitri bukan sahaja berperanan sebagai platform dagangan tempatan, malah turut menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor peruncitan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) negara.

Walaupun bazar Ramadan dan Aidilfitri memberikan impak ekonomi yang memberangsangkan, terdapat ruang yang besar untuk meningkatkan penyertaan golongan belia berumur 18 hingga 30 tahun, yang kini berada pada tahap sederhana sekitar 16.9 peratus, manakala penglibatan golongan berusia 51 tahun ke atas masih rendah (Carta 1). Ke arah memastikan kesinambungan dan kemampanan sektor ini dalam jangka panjang, adalah penting untuk merangka pendekatan yang lebih proaktif dan mesra belia. Ini boleh dicapai melalui pelaksanaan program bimbingan keusahawanan, kemudahan akses kepada modal mikro, serta pemeraksanaan kemahiran pemasaran digital dalam kalangan belia. Dengan pembaharuan dan pendekatan yang relevan, sektor bazar berpotensi menjadi platform keusahawanan yang lebih inklusif, dinamik dan berdaya saing, seterusnya menyumbang secara berterusan kepada kesejahteraan ekonomi masyarakat.

Carta 1: Penyertaan Peniaga Bazar Ramadan dan Aidilfitri mengikut Kumpulan Umur, 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber Modal Perniagaan

Struktur pembiayaan modal perniagaan di Malaysia memperlihatkan corak yang ketara dengan dominasi sumber tidak formal dalam kalangan usahawan. Sebahagian besar daripada modal perniagaan, iaitu sebanyak 96.5 peratus, diperoleh melalui simpanan sendiri atau bantuan keluarga, yang jelas mencerminkan bagaimana jaringan sosial dan sumber dalaman menjadi tonggak utama dalam menyokong ekosistem keusahawanan tempatan (Carta 2). Sebilangan besar peniaga cenderung menggunakan dana peribadi untuk memulakan perniagaan kerana kaedah ini lebih mudah diurus dan tidak memerlukan cagaran. Pendekatan ini juga membolehkan mereka mengelakkan prosedur yang kompleks seperti yang sering dikaitkan dengan pinjaman daripada institusi kewangan. Keadaan ini seterusnya menggalakkan penyertaan lebih meluas dalam sektor perniagaan kecil, sekali gus menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi di peringkat tempatan.

Carta 2: Sumber Modal Perniagaan Bazar Ramadan dan Aidilfitri, 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kebergantungan kepada sumber dalaman ini menjadi lebih relevan apabila dilihat dalam konteks perniagaan bazar Ramadan dan Aidilfitri, yang sememangnya bersifat bermusim dan berskala kecil. Tempoh operasi yang terhad secara tidak langsung mengurangkan insentif untuk para peniaga mendapatkan pembiayaan formal, memandangkan komitmen kewangan jangka panjang dianggap tidak sepadan dengan keperluan perniagaan yang bersifat sementara. Dalam situasi ini, penggunaan simpanan peribadi menjadi pilihan paling praktikal untuk membiayai modal kerja dan perbelanjaan awal. Data yang menunjukkan kadar


pinjaman bank yang rendah (2.0%) serta bantuan kerajaan atau agensi yang hanya 1.3 peratus memperkukuh dapatan bahawa akses kepada pembiayaan formal masih boleh dipertingkatkan. Ini membuka peluang untuk memperluas inisiatif sokongan kewangan yang lebih inklusif, termasuk penawaran produk kewangan mikro, pemudahcaraaan dokumen dan bimbingan kewangan bagi peniaga kecil.

Kebergantungan peniaga bazar kepada pembiayaan sendiri mencerminkan semangat keusahawanan yang tinggi serta tahap ketahanan yang menggalakkan dalam kalangan usahawan tempatan. Namun, untuk mengoptimumkan potensi pertumbuhan dan memperkukuh daya saing perniagaan, akses yang lebih luas kepada pembiayaan luaran adalah amat penting. Ketersediaan modal tambahan membolehkan peniaga melabur dalam penambahbaikan kecekapan operasi, mempelbagaikan penawaran produk, dan merangsang inovasi. Sehubungan itu, bagi memperkasakan sektor bazar sebagai pemacu ekonomi komuniti, adalah wajar dirangka dasar yang menyokong akses kepada pembiayaan mikro yang fleksibel serta penyediaan latihan pengurusan kewangan yang komprehensif dan bersesuaian dengan keperluan peniaga kecil. Pendekatan ini mampu meningkatkan daya saing, memperkukuh kelestarian perniagaan, dan seterusnya menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan.

Kaedah Pembayaran

Landskap kaedah pembayaran di bazar Ramadan dan Aidilfitri di Malaysia memperlihatkan corak yang fleksibel dan responsif terhadap perubahan tingkah laku pengguna. Analisis data menunjukkan bahawa sebanyak 86.7 peratus peniaga menawarkan kombinasi kaedah pembayaran, menandakan kecenderungan tinggi dalam kalangan peniaga untuk mengadaptasi keperluan pelbagai segmen pelanggan (Carta 3). Pendekatan ini bukan sahaja memperluaskan capaian pasaran tetapi juga meningkatkan kemudahan transaksi bagi pengguna yang mungkin mempunyai kecenderungan berbeza sama ada pengguna yang masih selesa dengan pembayaran tunai mahupun mereka yang lebih cenderung kepada kaedah digital. Fleksibiliti ini dilihat menjadi strategi utama bagi peniaga bazar dalam memaksimumkan peluang transaksi dan perolehan, khususnya dalam tempoh perniagaan yang padat dan bermusim.

Carta 1: Penyertaan Peniaga Bazar Ramadan dan Aidilfitri mengikut Kumpulan Umur, 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Meskipun terdapat peningkatan yang ketara dalam penggunaan pelbagai kaedah pembayaran, kaedah tunai masih mengekalkan peranannya yang signifikan, dengan 13.0 peratus peniaga dilaporkan hanya menerima bayaran secara tunai. Situasi ini mencerminkan realiti bahawa, walaupun arus digitalisasi semakin rancak, masih wujud segmen peniaga dan pengguna yang bergantung kepada tunai atas faktor-faktor seperti kemudahan dalam urusan niaga kecil, keperluan kepada tunai segera, serta kekangan akses kepada infrastruktur pembayaran digital. Hal ini menunjukkan bahawa peralihan ke arah masyarakat tanpa tunai berlaku secara berperingkat dan tidak bersifat menyeluruh.

Dalam masa yang sama, penggunaan e-wallet sebagai satu-satunya kaedah pembayaran masih rendah, iaitu hanya 0.3 peratus, menunjukkan bahawa teknologi ini belum mencapai tahap penerimaan yang dominan dalam kalangan peniaga bazar. Walaupun e-wallet semakin diterima sebagai sebahagian daripada kaedah pembayaran pelengkap, kebergantungan tunggal terhadapnya masih terhad. Ini mungkin berpunca daripada faktor seperti kos penyediaan perkhidmatan, tahap celik digital yang berbeza-beza, serta isu keserasian antara sistem dan platform digital. Justeru, terdapat potensi besar untuk memperluas penggunaan e-wallet melalui inisiatif yang dapat meningkatkan keyakinan peniaga, memperbaiki kemudahan penggunaan, serta menyediakan sokongan teknikal yang bersesuaian. Usaha ini bukan sahaja dapat mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi digital, malah turut menyokong pembangunan ekosistem pembayaran yang lebih inklusif dan mesra peniaga kecil.

Faktor Pembaziran Produk Jualan

Pembaziran produk jualan bazar semakin mendapat perhatian dalam pengurusan bazar Ramadan kerana ia bukan sahaja mendatangkan kerugian dari aspek kewangan, tetapi turut melibatkan pembaziran sumber serta memberi kesan terhadap kelestarian alam sekitar. Peniaga biasanya menyediakan makanan dalam kuantiti yang besar bagi memenuhi permintaan pengunjung yang tinggi, terutamanya pada waktu puncak. Namun, tidak semua makanan yang disediakan berjaya dijual sepenuhnya, terutamanya apabila berlaku penurunan mendadak dalam jumlah pengunjung akibat faktor seperti cuaca tidak menentu, lokasi yang kurang strategik, atau persaingan produk yang tinggi. Oleh itu, pembaziran makanan menjadi salah satu cabaran utama yang perlu ditangani secara berhemah agar operasi bazar dapat dijalankan dengan lebih cekap dan mampan. Carta 4 menunjukkan dapatan kajian berkenaan pengalaman peniaga terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada pembaziran produk jualan di bazar Ramadan.

Carta 4: Pengalaman Peniaga terhadap Faktor Pembaziran Produk Jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penghasilan Makanan Secara Berlebihan

Isu penghasilan makanan secara berlebihan menjadi antara kebimbangan yang dikemukakan oleh peniaga. Sebanyak 40 peratus peniaga bersetuju bahawa lebih penghasilan makanan berpotensi menyebabkan pembaziran serta kerugian kewangan kepada peniaga. Namun begitu, 20.5 peratus peniaga tidak bersetuju, manakala 24.6 peratus bersikap neutral terhadap isu ini. Dapatan ini memperlihatkan wujudnya kesedaran yang berbeza dalam kalangan peniaga berkaitan dengan pengurusan pengeluaran makanan yang optimum.

Persaingan Produk yang Tinggi

Persaingan antara peniaga turut dikenalpasti sebagai salah satu cabaran utama dalam pengurusan bazar Ramadan. Sebanyak 49 peratus peniaga bersetuju dan 13.7 peratus sangat bersetuju bahawa persaingan produk yang tinggi menyukarkan peniaga mendapatkan hasil jualan yang stabil. Kepelbagaian produk makanan dan minuman yang ditawarkan dalam ruang bazar yang terhad mengakibatkan ketidakseimbangan penawaran, sekaligus menimbulkan persaingan yang sengit. Hanya 9.1 peratus peniaga tidak bersetuju dengan kenyataan ini, menandakan isu persaingan ini diakui oleh majoriti peniaga.

Faktor Cuaca

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor cuaca merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh peniaga. Sebanyak 51.8 peratus peniaga bersetuju, manakala 20.4 peratus sangat bersetuju bahawa keadaan cuaca memberi impak yang signifikan terhadap operasi bazar. Keadaan cuaca yang tidak menentu, seperti hujan lebat, cuaca panas melampau, serta ribut petir, sering menjejaskan kehadiran pengunjung dan hasil jualan peniaga. Hanya sebahagian kecil peniaga, iaitu 4.1 peratus dan 1.1 peratus, masing-masing tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju bahawa cuaca menjadi cabaran utama, menunjukkan majoriti peniaga mengakui pengaruh besar faktor ini.

Lokasi Bazar yang Kurang Strategik

Berdasarkan dapatan, isu berkaitan lokasi bazar menunjukkan persepsi yang lebih seimbang dalam kalangan peniaga. Sebanyak 30.4 peratus peniaga bersetuju bahawa lokasi yang kurang strategik menjejaskan pengurusan bazar Ramadan, manakala 27.5 peratus tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa faktor lokasi lebih bersifat kontekstual, bergantung kepada lokasi tertentu yang mungkin menghadapi kekangan seperti kesesakan trafik, kekurangan kemudahan parkir, atau kesukaran akses pengunjung.

Faktor Lain


Bagi kategori faktor lain yang tidak dinyatakan secara terperinci, lebih separuh peniaga (55.2%) memilih untuk bersikap neutral. Peratusan neutral yang tinggi ini menunjukkan bahawa wujudnya faktor-faktor sampingan lain yang mungkin mempengaruhi operasi bazar Ramadan, namun tidak dinyatakan secara spesifik oleh peniaga, atau dilihat kurang memberi impak secara menyeluruh.

Strategi Pengurusan Lebihan Produk Jualan

Dalam konteks bazar Ramadan, lebihan produk jualan merupakan isu lazim yang memberi kesan langsung terhadap keuntungan peniaga, kecekapan operasi dan tahap pembaziran keseluruhan. Kewujudan persaingan yang tinggi serta ketidakpastian permintaan harian sering mendorong peniaga menghasilkan atau membawa stok secara berlebihan sebagai langkah berjaga-jaga. Namun, tanpa strategi pengurusan yang efektif, lebihan ini boleh berakhir sebagai kerugian atau sisa (Abu Seman, 2025).

Oleh itu, pendekatan strategik amat diperlukan bagi mengurus lebihan produk secara optimum, sama ada melalui penyesuaian jumlah pengeluaran, teknik promosi akhir waktu, penggunaan semula bahan mentah, atau kolaborasi dengan inisiatif seperti agihan makanan komuniti. Langkah ini bukan sahaja dapat mengurangkan pembaziran dan kerugian, malah berpotensi membuka peluang nilai tambah baharu bagi peniaga kecil yang lebih berdaya saing dan mampan. Carta 5 memperincikan strategi-strategi pengurusan lebihan produk jualan yang telah dikenalpasti, berserta kadar pengamalan dalam kalangan peniaga. Analisis terhadap data ini membolehkan penilaian dibuat terhadap keberkesanan pendekatan sedia ada, di samping mengenal pasti potensi penambahbaikan bagi meningkatkan kecekapan operasi bazar secara keseluruhan.

Carta 5: Pengalaman Peniaga terhadap Strategi lebihan produk jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menjual Lebihan Makanan pada Harga Diskaun

Amalan penjualan lebihan makanan pada harga diskaun merupakan kaedah yang paling banyak diamalkan bagi mengurangkan pembaziran. Sebanyak 56.0 peratus peniaga menjual lebihan makanan mereka pada harga lebih murah, manakala 44.0 peratus tidak berbuat demikian. Kaedah ini secara tidak langsung membantu mengurangkan kerugian peniaga selain dapat mengelakkan pembuangan makanan yang masih elok dimakan.

Menyumbang Lebihan Makanan kepada Institusi Kebajikan

Sebanyak 77.3 peratus peniaga menyatakan bahawa mereka menyumbang lebihan makanan kepada institusi-institusi kebajikan seperti rumah anak yatim, rumah orang tua dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sebaliknya, hanya 22.7 peratus peniaga tidak terlibat dalam aktiviti ini.

Memberikan Lebihan Makanan secara Percuma kepada Rakan Niaga

Sebanyak 84.2 peratus peniaga melaporkan bahawa mereka memberikan lebihan makanan secara percuma kepada rakan niaga lain di bazar. Hanya 15.8 peratus yang tidak mengamalkan pendekatan ini.

Menjual Sisa Makanan kepada Kilang Pemprosesan

Majoriti besar peniaga (96.1%) tidak menjual lebihan makanan mereka kepada kilang pemprosesan sisa makanan untuk diproses menjadi produk lain. Hanya 3.9 peratus yang mengambil pendekatan ini. Kaedah pemprosesan sisa makanan perindustrian dilihat masih jauh daripada diamalkan dalam konteks bazar Ramadan.

Penggunaan Semula Lebihan Makanan Secara Kitar Semula yang Optimum

Sebanyak 92.6 peratus peniaga tidak mengamalkan pengoptimuman penggunaan lebihan makanan melalui kaedah kitar semula atau penggunaan semula secara berkesan. Hanya 7.4 peratus peniaga mempraktikkan amalan ini.

Pengumpulan Sisa untuk Pengkomposan Sisa Organik

Dapatan menunjukkan bahawa hanya 6.2 peratus peniaga mengamalkan pengumpulan sisa makanan bagi tujuan pengkomposan. Sebaliknya, 93.8 peratus peniaga tidak melakukan pengkomposan. Ini menunjukkan bahawa kesedaran terhadap potensi pengkomposan sisa makanan sebagai langkah lestari masih berada pada tahap yang amat rendah.

Pembuangan Sisa Makanan bersama Sampah Biasa


Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti peniaga bazar (70.6%) tidak membuang sisa makanan bersama sampah biasa, manakala hanya 29.4 peratus masih mengamalkan pembuangan sisa makanan secara terus bersama sisa domestik. Corak ini memberi gambaran awal bahawa kesedaran terhadap amalan pengurusan sisa yang lebih bertanggungjawab semakin meningkat dalam kalangan peniaga.

Meskipun sebahagian peniaga masih mengamalkan kaedah pembuangan tradisional, trend ini memperlihatkan potensi besar untuk diperluas melalui penyediaan kemudahan pengasingan sisa, pendedahan kepada teknik pengkomposan, dan galakan terhadap amalan kitar semula. Peningkatan penyertaan dalam amalan mesra alam ini boleh menjadi langkah penting ke arah menjadikan operasi bazar lebih mampan dan lestari.

Tahap Kepuasan Peniaga terhadap Aspek Pengurusan Bazar Ramadan & Aidilfitri

Kajian ini turut menilai persepsi peniaga bazar Ramadan dan Aidilfitri terhadap lima aspek utama pengurusan, dan mendapati bahawa tahap kepuasan secara umumnya adalah positif (Carta 6). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang masih memerlukan penambahbaikan berterusan bagi menjamin kelangsungan, kecekapan dan kualiti penganjuran bazar yang lebih mampan pada masa akan datang.

Carta 6: Tahap Kepuasan Peniaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lokasi Bazar yang Strategik

Aspek ini menerima tahap kepuasan tertinggi, dengan 57.3 peratus menilai sebagai memuaskan dan 25.7 peratus sangat memuaskan. Hanya sekitar 16.3 peratus yang tidak berpuas hati atau kekal neutral. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan bazar terletak di lokasi yang sesuai dan berpotensi menarik pelanggan secara efektif.

Keberkesanan Promosi Bazar kepada Masyarakat

Aspek promosi mendapat penilaian positif daripada 56.0 peratus peniaga (memuaskan) dan 14.5 peratus (sangat memuaskan). Namun, hampir satu perempat (24.2%) memberikan maklum balas neutral dan 6.5 peratus menyatakan tidak berpuas hati. Ini menunjukkan perlunya strategi promosi yang lebih bersasar dan pelbagai saluran agar keberkesananannya dapat diperluaskan, termasuk penggunaan media digital.

Pengurusan Lalu Lintas dan Keselamatan

Sebanyak 56.0 peratus peniaga memberi penilaian memuaskan dan 13.3 peratus sangat memuaskan bagi aspek pengurusan trafik dan keselamatan. Walau bagaimanapun, 22.5 peratus memilih jawapan neutral, dan lebih 8.0 peratus masih tidak berpuas hati. Ini mencadangkan bahawa sistem kawalan trafik dan keselamatan masih boleh diperkukuh, terutama di kawasan berisiko sesak atau kurang pemantauan.

Penyediaan Kemudahan Asas

Dapatan menunjukkan 46.9 peratus peniaga menilai aspek ini sebagai memuaskan, manakala hanya 11.2 peratus menilainya sangat memuaskan. Sebaliknya, 19.8 peratus menyatakan tidak berpuas hati, manakala 22.1 peratus kekal neutral. Ini memberi isyarat jelas bahawa aspek kemudahan asas seperti tandas, tempat rehat dan surau masih belum mencapai tahap yang benar-benar memuaskan dan perlu ditambah baik secara menyeluruh.

Bilangan Pengunjung

Majoriti peniaga berpuas hati dengan kehadiran pelanggan, di mana 58.9 peratus menyatakan tahap memuaskan dan 14.3 peratus sangat memuaskan. Ini menunjukkan bazar Ramadan & Aidilfitri kekal menjadi tumpuan masyarakat dan berjaya menarik pengunjung dalam jumlah yang signifikan serta menyumbang kepada peningkatan hasil jualan.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, bazar Ramadan dan Aidilfitri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi bermusim, terutamanya yang melibatkan peniaga kecil dan sederhana. Kajian ini membuktikan bahawa peranan bazar bukan sahaja terhad kepada aspek ekonomi, malah turut mencerminkan dinamik sosial dan budaya masyarakat Malaysia menjelang perayaan utama. Penyertaan peniaga yang seimbang dari segi jantina dan dominasi golongan usia produktif menunjukkan bahawa sektor ini mempunyai potensi untuk terus berkembang dan memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Namun begitu, beberapa cabaran utama masih perlu ditangani secara menyeluruh. Antara yang dikenal pasti termasuk isu pembaziran makanan, lebihan produk jualan, kesan cuaca yang tidak menentu, lokasi yang kurang strategik, serta kekangan dalam pengurusan lebihan makanan secara lestari. Di samping itu, pergantungan tinggi kepada modal sendiri tanpa sokongan kewangan institusi, dan kadar penggunaan kaedah pembayaran digital yang masih rendah, menunjukkan wujudnya ruang besar untuk pembaharuan dari segi sokongan dasar dan infrastruktur.

Dari segi kepuasan peniaga, majoriti memberi penilaian positif terhadap aspek promosi, lokasi dan kehadiran pengunjung. Walau bagaimanapun, aspek seperti penyediaan kemudahan asas, pengurusan lalu lintas serta pengendalian sisa makanan masih perlu diberi perhatian dan dipertingkatkan secara bersepadu. Oleh itu, bagi memastikan kelangsungan bazar Ramadan dan Aidilfitri yang lebih mampan, penambahbaikan menyeluruh perlu difokuskan kepada beberapa aspek kritikal seperti peningkatan akses kepada pembiayaan mikro, latihan keusahawanan berasaskan teknologi, sistem pengurusan sisa yang lebih lestari serta pemantapan fasiliti asas dan logistik. Pendekatan kolaboratif antara pihak berkuasa tempatan, peniaga, agensi kerajaan dan komuniti amat penting dalam membina ekosistem bazar yang bukan sahaja berdaya saing, tetapi juga inklusif, responsif dan mesra alam.

Rujukan

Abu Seman, N. A. (2025, March 2). [PENDAPAT] Post-mortem harian, rahsia kejayaan peniaga bazar Ramadan. Malaysia Gazette.
<https://malaysiagazette.com/2025/03/02/post-mortem-harian-rahsia-kejayaan-peniaga-bazar-ramadan/>

Embong, A. M. (2025, March 2). [KOLUMNIS - CERITA RAMADAN] Amalan kelestarian di bazar Ramadan. Astro Awani.
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-cerita-ramadan-amalan-kelestarian-di-bazar-ramadan-510187>

FENOMENA BAZAR RAMADAN: ANTARA KRITIKAN DAN MANFAAT, TETAP JADI TUMPUAN | Universiti Putra Malaysia. (2025, November 3).
https://spel.upm.edu.my/article/fenomena_bazar_ramadan_antara_kritikan_dan_manfaat_tetap_jadi_tumpuan-85077

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Bahagian 3

*Rangkuman Infografik
Ramadan dan Aidilfitri 2025*



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Rangkuman Newsletter

DOSM/BPP/1.2025/SERIES 25

NEWSLETTER

SURVEI BAZAR RAMADAN DAN AIDILFITRI 2025

PENGENALAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menjalankan Survei Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025 yang bermula 1 - 29 Ramadan 1446H di lokasi bazar terpilih di seluruh Malaysia. Tahun ini merupakan kali ketiga survei dijalankan.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pegawai DOSM Negeri melakukan kerja luar dan temuramah bersemuka di bazar-bazar terpilih. Pengumpulan data menggunakan borang soal selidik dan Google Form.

OBJEKTIF SURVEI

Objektif survei ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan profil peniaga, jumlah hasil jualan, bilangan pekerja, maklumat pengurusan sisa makanan (Bazar Ramadan) dan pengalaman peniaga di bazar bagi peringkat daerah, negeri dan nasional.

MAKLUMAT YANG DIKUMPUL

- Kaedah pembayaran
- Nilai jualan
- Bilangan pekerja
- Aktiviti utama perniagaan
- Modal perniagaan
- Sumber modal perniagaan
- Punca pembaziran (bazar Ramadan)
- Pengurusan lebihan makanan (bazar Ramadan)
- Kepuasan peniaga di bazar

LIPUTAN SURVEI

Liputan survei ini adalah Bazar Ramadan dan Aidilfitri yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau anjuran pihak lain yang telah mendapat lesen penganjuran bazar daripada pihak PBT.

1



Rangkuman Newsletter

SKOP DAN DEFINISI

Bazar Ramadan

Merujuk kepada pertubuhan/ gerai yang menjalankan aktiviti jualan makanan, minuman, kuih atau makanan lain sempena bulan Ramadan.

Pertubuhan/gerai & lokasi yang diliputi

Merujuk kepada pertubuhan/ gerai yang menjalankan aktiviti jualan di bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri.

Nilai jualan


Merujuk kepada jumlah jualan bagi tempoh sehari berniaga di bazar Ramadan. Nilai jualan yang diperlukan adalah jualan pada hari biasa dan nilai jualan pada hujung minggu.

Bilangan pekerja

Merujuk pada pekerja tetap (termasuk pemilik) dan pekerja sementara di gerai bazar Ramadan.

ANALISIS KAJIAN RINTIS

PENYEDIAAN KAEDAH PEMBAYARAN MENGGUNAKAN E-WALLET DI BAZAR RAMADAN MENGIKUT NEGERI



Penyediaan kaedah pembayaran menggunakan e-wallet di bazar Ramadan seluruh Malaysia menunjukkan tahap ketersediaan perkhidmatan digital yang tinggi, 86.6 peratus.



Tiga negeri tertinggi dalam penyediaan kaedah pembayaran menggunakan e-wallet di bazar Ramadan ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya (100.0%), Pahang (99.5%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (99.2%).



Rangkuman Newsletter



Survei **Bazar Ramadan** dan **Bazar Aidilfitri** ialah survei yang mengumpulkan maklumat berkaitan harga bagi item-item terpilih di senarai bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri di seluruh negara pada tahun 2025.

Survei ini dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Objektif *newsletter* ini adalah khusus untuk memaparkan purata harga item terpilih di bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri terpilih di seluruh Malaysia pada tahun 2025.

OBJEKTIF SURVEI

Objektif survei ini adalah untuk mendapatkan purata harga bagi **20 item terpilih** yang dijual di bazar Ramadan dan **11 item terpilih** yang dijual di bazar Aidilfitri di peringkat negeri dan Malaysia bagi tahun 2025.

KONSEP DAN DEFINISI

➤ HARGA

Merujuk kepada harga runcit atau harga transaksi termasuk semua jenis cukai yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan.

➤ GERAJ & LOKASI YANG DILIPUTI

Gerai ditakrifkan sebagai "satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu aktiviti, di bawah penguasaan tunggal yang sah dan beroperasi di satu lokasi fizikal". Setiap gerai diberikan klasifikasi industri yang berdasarkan aktiviti utama.

TEMPOH PELAKSANAAN SURVEI

Tempoh pelaksanaan survei pada **sepanjang tempoh Ramadan 2025/ 1446H**.

☐ Bazar Ramadan

Merujuk kepada gerai yang menjalankan aktiviti perniagaan makanan dan minuman atau lain-lain juadah di dalam bazar Ramadan sempena bulan Ramadan.

☐ Bazar Aidilfitri

Merujuk kepada gerai yang menjalankan aktiviti perniagaan pakaian, biskut/ kuih raya atau lain-lain item di dalam bazar Aidilfitri sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

1




Rangkuman Newsletter

PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR RAMADAN, MALAYSIA, 2025


PENEMUAN UTAMA

Carta 1 Purata Harga Item Terpilih Air Tembikai (Bungkusan Bulat) di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025




Purata harga item terpilih Air Tembikai (Bungkusan Bulat) di bazar Ramadan mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Pulau Pinang mencatatkan peningkatan purata harga yang rendah sebanyak RM3.10 sebungkus. Manakala, Selangor mencatatkan peningkatan purata harga yang tinggi sebanyak RM6.00 sebungkus (Carta 1)

Carta 2 Purata Harga Item Terpilih Nasi Kerabu (Ayam) di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025




Lima negeri mencatatkan peningkatan purata harga item terpilih Nasi Kerabu (Ayam) di bazar Ramadan pada tahun 2025, iaitu Sabah, RM10.90 satu set. Ini diikuti oleh negeri Sarawak (RM10.80); Selangor (RM10.10); Wilayah Persekutuan Labuan (RM10.00) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (RM10.00) (Carta 2)

Carta 3 Purata Harga Item Terpilih Ayam Golek (Siap Potong) di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Bagi purata harga item terpilih Ayam Golek (Siap Potong) di bazar Ramadan mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan purata harga yang tinggi sebanyak RM35.00 seekor, diikuti oleh Sabah (RM33.00); Kedah (RM30.00); Pulau Pinang (RM29.20) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM29.00) (Carta 3)

Carta 4 Purata Harga Item Terpilih Roti John Ayam (Panjang) di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Purata harga item terpilih Roti John Ayam (Panjang) di bazar Ramadan mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan peningkatan purata harga yang tertinggi adalah negeri Johor, RM11.00 sebungkus (2024: RM10.00). Manakala, negeri Sarawak mencatatkan peningkatan yang paling rendah sebanyak RM7.00 sebungkus (2024: RM6.40) (Carta 4)

2




Rangkuman Newsletter

PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR RAMADAN, MALAYSIA, 2025


PENEMUAN UTAMA

Carta 5 Purata Harga Item Terpilih bagi Nasi Ayam di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan purata harga di bazar Ramadan bagi tahun 2025. Peningkatan ini dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan iaitu RM11.50 satu set (2024: RM8.00), diikuti oleh Johor, RM9.00 satu set (2024: RM7.80), Wilayah Persekutuan Putrajaya, RM8.50 satu set (2024: RM7.50), Sabah, RM8.10 satu set (2024: RM7.40) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, RM8.00 satu set (2024: RM7.00) (**Carta 5**).

Carta 6 Purata Harga Item Terpilih bagi Kuih Tepung Pelita di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Tiga negeri mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.10 sebiji adalah Negeri Sembilan (2024: RM0.90), Selangor (2024: RM1.00) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (2024: RM1.00).

Manakala, bagi negeri Melaka (RM0.80), Perlis (RM0.70) dan Wilayah Persekutuan Labuan (RM0.60) tidak merekodkan sebarang perubahan berbanding tahun sebelumnya (**Carta 6**).

BAZAR RAMADAN

Purata Harga Item Terpilih di Bazar Ramadan, Malaysia, 2025

ITEM	UNIT	PURATA HARGA (RM)
Kuih Karipap Biasa Inti Kentang	Sebiji	0.70
Kuih Ketayap	Sebiji	0.70
Kuih Popia Goreng	Sebiji	0.90
Kuih Seri Muka	Sebiji	0.90
Kuih Tepung Pelita	Sebiji	0.90
Air Sirap Bandung Sejuk (Bungkusan Bulat)	Sebungkus	4.40
Air Soya Tanpa Ais (Bungkusan Bulat)	Sebungkus	4.60
Air Tembikai Sejuk (Bungkusan Bulat)	Sebungkus	4.70
Roti John Ayam (Pendek)	Sebungkus	5.40
Martabak Ayam (Biasa)	Sekeping	5.90
Bihun Sup	1 set	6.90
Nasi Ayam	1 set	7.90
Nasi Dagang (Ayam)	1 set	8.30
Roti John Ayam (Panjang)	Sebungkus	8.70
Nasi putih berserta ayam dan sayur	1 set	8.80
Nasi Kerabu (Ayam)	1 set	9.00
Nasi putih berserta ikan dan sayur	1 set	9.10
Nasi Ayam Penyet	1 set	10.00
Nasi Arab (Ayam)	1 set	13.50
Ayam Golek (Siap Potong)	seekor	28.30

3




@StatsMalaysia




Rangkuman Newsletter

PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR AIDILFITRI, MALAYSIA, 2025


PENEMUAN UTAMA




Purata harga item terpilih Sampin di bazar Aidilfitri mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan purata harga yang rendah sebanyak RM49.50 sehelai. Manakala, Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan peningkatan purata harga yang tinggi sebanyak RM189.00 sehelai (**Carta 1**)



Lima negeri mencatatkan peningkatan purata harga item terpilih Songkok di bazar Aidilfitri pada tahun 2025, iaitu Selangor, RM64.00 sebiji. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Selangor (RM55.00); Pulau Pinang (RM49.50); Sarawak (RM49.50); Pahang dan Wilayah Persekutuan Putrajaya masing-masing mencatatkan sebanyak RM41.30 sebiji (**Carta 2**)



Bagi purata harga item terpilih Baju Kurta di bazar Aidilfitri mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan purata harga yang tinggi sebanyak RM89.00 sehelai, diikuti oleh Sabah (RM81.80); Wilayah Persekutuan Putrajaya (RM79.00); Pulau Pinang (RM79.00) dan Wilayah Persekutuan Labuan (RM75.00) (**Carta 3**)



Purata harga item terpilih Baju Melayu di bazar Aidilfitri mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan peningkatan purata harga yang tertinggi adalah Wilayah Persekutuan Labuan, RM169.50 sepasang (2024: RM134.00). Manakala, negeri Kelantan mencatatkan peningkatan yang paling rendah sebanyak RM99.80 sepasang (2024: RM99.10) (**Carta 4**)

4




Rangkuman Newsletter


PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR AIDILFITRI, MALAYSIA, 2025

PENEMUAN UTAMA

Carta 5 Purata Harga Item Terpilih Tart Nenas di Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Carta 5 Purata Harga Item Terpilih Almond London di Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Purata harga item terpilih Tart Nenas di bazar Aidilfitri mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan peningkatan yang tinggi sebanyak RM38.00 sebekas berbanding RM35.50 sebekas pada tahun sebelumnya, diikuti oleh Pulau Pinang merekodkan RM37.70 sebekas (2024: RM33.00) dan Sabah, RM35.80 sebekas (2024: RM31.20) **(Carta 5)**

Bagi purata harga item terpilih Almond London di bazar Aidilfitri mengikut negeri pada tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu RM38.00 sebekas berbanding RM37.50 sebekas pada tahun sebelumnya. Manakala, Kelantan merekodkan peningkatan terendah iaitu RM23.30 sebekas (2024: RM22.30 sebekas) **(Carta 6)**

BAZAR AIDILFITRI

Purata Harga Item Terpilih di Bazar Aidilfitri, Malaysia, 2025

ITEM	UNIT	PURATA HARGA (RM)
Shawl Tiada Corak (Material Chiffon)	Sehelai	17.50
Tudung Bawal (Material Cotton)	Sehelai	19.80
Semperit (Saiz Empat Segi)	Sebekas 30-50 biji	27.10
Tart Nenas (Gulung)	Sebekas 30-50 biji	30.30
Almond London	Sebekas 30-50 biji	30.40
Rempyek Kacang Tanah	500 gm	32.90
Songkok	Sebiji	37.00
Baju Kurta (Dewasa, Saiz M)	Sepasang	69.60
Sampin	Sehelai	83.30
Baju Kurung (Dewasa, Material Crepe, Saiz M)	Sepasang	106.10
Baju Melayu (Dewasa, Cekak Musang, Saiz M)	Sepasang	130.20


5




@StatsMalaysia



Rangkuman Newsletter



Rangkuman Newsletter



Rangkuman Newsletter

2025

Purata Harga Item Terpilih Mengikut Negeri

BAZAR RAMADAN

ITEM	Kuih Kariap Kentang (sebiju)	Kuih Ketayap (sebiju)	Kuih Seri Muka (sebiju)	Kuih Tepung Pelita (sebiju)	Kuih Popia Goreng (sebiju)	Roti John Ayam (Panjang)	Roti John Ayam (Pendek)	Nasi Ayam (1 set)	Nasi Ayam Penyet (1 set)	Nasi Arab (Ayam) (1 set)
JOHOR	0.70	0.90	0.90	0.80	1.00	11.00	5.60	9.00	10.00	13.00
KEDAH	0.60	0.60	1.20	0.90	0.70	7.10	5.80	7.20	9.70	15.70
KELANTAN	0.80	0.50	1.00	0.90	1.20	8.50	6.80	7.00	9.30	12.80
MELAKA	0.60	0.60	0.60	0.80	0.70	8.80	6.00	7.50	9.70	13.30
NEGERI SEMBILAN	0.80	1.00	0.80	1.10	1.10	10.00	5.50	7.70	12.30	12.00
PAHANG	0.60	0.70	0.70	0.90	0.70	8.80	5.00	7.50	9.00	12.20
PULAU PINANG	0.90	0.80	1.20	1.00	0.90	8.70	7.50	6.80	9.40	12.70
PERAK	0.60	0.60	0.60	1.00	0.80	8.50	5.50	7.10	9.50	15.50
PERLIS	0.50	0.50	1.80	0.70	0.60	7.70	-	7.50	8.50	11.00
SELANGOR	0.90	0.80	0.80	1.10	1.40	10.30	7.00	7.80	8.20	16.30
TERENGGANU	0.60	0.70	0.90	1.00	0.60	7.60	5.40	6.70	10.20	13.20
SABAH	0.60	0.60	0.70	0.80	0.70	9.10	5.50	8.10	10.30	14.30
SARAWAK	0.60	0.60	0.60	0.80	0.80	7.00	5.10	7.70	11.80	13.50
W.P. KUALA LUMPUR	0.90	0.80	0.80	1.00	1.10	8.80	5.50	8.00	10.00	13.50
W.P. LABUAN	0.70	0.70	0.70	0.80	0.70	8.00	5.00	11.50	10.00	8.00
W.P. PUTRAJAYA	0.90	1.00	0.80	1.10	1.10	10.00	5.50	8.50	12.00	19.00

Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persatuan

8



Rangkuman Newsletter


2025										
Purata Harga Item Terpilih Mengikut Negeri										
ITEM	Nasi putih berserta ayam dan sayur (1 set)	Nasi putih berserta ikan dan sayur (1 set)	Nasi Kerabu (Ayam) (1 set)	Nasi Dagang (Ayam) (1 set)	Bihun Sup (1 set)	Ayam Golek (Siao potong) (seekor)	Martabak Ayam (biasa) (sekeping)	Air soya tanpa Ais (bungkusan bulat) (sebungkus)	Air Sirap Bandung Sejuk (bungkusan bulat) (sebungkus)	Air Tembikai (bungkusan bulat) (sebungkus)
JOHOR	8.40	9.20	9.30	10.50	6.00	26.80	7.10	4.80	3.00	3.80
KEDAH	8.00	7.60	8.50	8.60	6.00	30.00	5.10	3.70	3.50	4.00
KELANTAN	11.70	9.30	7.00	8.00	6.00	27.00	4.30	4.30	4.30	4.00
MELAKA	9.30	9.30	9.00	8.00	6.50	28.50	6.90	5.00	5.50	5.80
NEGERI SEMBILAN	8.70	10.00	8.00	7.50	7.70	24.00	6.30	5.00	4.00	4.70
PAHANG	8.90	10.10	8.50	7.20	6.80	28.00	7.80	4.70	5.00	5.00
PULAU PINANG	8.80	9.90	8.50	7.80	5.90	29.20	5.80	4.00	3.00	3.10
PERAK	7.90	8.20	8.20	7.00	6.20	28.00	7.00	5.00	4.70	4.80
PERLIS	8.30	6.40	7.10	6.00	7.00	25.50	6.00	4.00	3.00	4.00
SELANGOR	8.60	8.10	10.10	8.70	7.60	28.00	5.30	5.10	5.30	6.00
TERENGGANU	8.50	9.00	7.80	8.00	7.00	28.40	5.00	4.10	3.90	4.70
SABAH	7.30	7.40	10.90	10.00	6.40	33.00	5.20	6.50	4.80	4.80
SARAWAK	8.40	8.20	10.80	8.00	8.00	26.30	6.40	5.90	5.70	5.60
W.P. KUALA LUMPUR	9.50	10.50	9.50	8.20	7.50	29.00	5.00	4.80	4.00	5.50
W.P. LABUAN	9.00	10.00	10.00	10.00	8.00	35.00	5.00	-	4.50	4.50
W.P. PUTRAJAYA	9.50	12.00	10.00	9.30	7.30	25.30	6.00	6.00	6.00	5.50

Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persatuan

9



Rangkuman Newsletter



Rangkuman Newsletter



Rangkuman Newsletter

2025

Purata Harga Item Terpilih Mengikut Negeri

BAZAR AIDILFITRI

ITEM	Tart Nanas (gulung) (sebekas 30-50 biji)	Semperit (saz empat segi) (sebekas 30-50 biji)	Almond London (sebekas 30-50 biji)	Rempeyek Kacang Tanah (500 gm)	Shawl Tiada Corak (Material Chiffon) (sehelai)	Tudung Bawal (Material Chiffon) (sehelai)
JOHOR	29.10	25.30	28.60	35.30	22.60	23.80
KEDAH	27.90	23.30	30.30	25.00	18.10	20.00
KELANTAN	23.20	21.00	23.30	13.10	11.20	13.70
MELAKA	31.30	27.50	31.30	14.50	23.00	20.80
NEGERI SEMBILAN	33.00	28.00	32.60	29.20	9.30	9.00
PAHANG	27.00	27.00	27.30	22.90	17.50	23.30
PULAU PINANG	37.70	25.00	31.70	24.00	10.00	10.00
PERAK	28.20	28.00	28.80	22.40	13.50	16.30
PERLIS	32.00	28.00	29.00	17.50	12.50	20.00
SELANGOR	34.60	30.00	35.00	22.40	15.00	16.00
TERENGGANU	22.80	22.80	25.90	23.40	17.40	21.60
SABAH	35.80	30.40	30.00	29.30	17.80	21.50
SARAWAK	24.70	26.00	30.20	30.80	27.30	27.90
W.P. KUALA LUMPUR	30.00	30.00	30.00	30.00	15.00	25.00
W.P. LABUAN	30.00	25.50	38.00	28.00	10.00	19.00
W.P. PUTRAJAYA	38.00	35.00	35.00	27.50	39.00	29.00

Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persatuan

12



Rangkuman Newsletter

2025

Purata Harga Item Terpilih Mengikut Negeri

BAZAR AIDILFITRI

ITEM	Songkok (sebilil)	Sampin (sehelai)	Baju Kurta (sehelai)	Baju Melayu (Dewasa, Cekak Musang, Salz M) (sepasang)	Baju Kurung (Dewasa, Material Crepe, Salz M) (sepasang)
JOHOR	30.70	87.70	66.00	113.40	66.70
KEDAH	23.80	79.10	69.50	138.50	119.00
KELANTAN	27.50	60.00	53.80	99.80	69.00
MELAKA	35.00	61.30	61.00	111.80	74.50
NEGERI SEMBILAN	33.30	64.00	61.00	110.70	69.50
PAHANG	41.30	80.10	70.30	122.10	142.00
PULAU PINANG	49.50	92.30	79.00	143.30	64.00
PERAK	35.10	77.50	70.60	124.80	95.10
PERLIS	25.00	87.00	70.00	127.30	139.00
SELANGOR	64.00	67.70	67.00	139.20	145.00
TERENGGANU	29.00	73.70	52.70	143.60	112.80
SABAH	41.30	89.20	81.80	126.20	143.70
SARAWAK	49.30	95.70	68.40	154.20	123.60
W.P. KUALA LUMPUR	30.00	49.50	89.00	100.00	-
W.P. LABUAN	22.90	79.00	75.00	169.50	69.00
W.P. PUTRAJAYA	55.00	189.00	79.00	159.00	159.00

Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

13



@StatsMalaysia



Rangkuman Newsletter



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

Raya Penuh Ceria... Jangan Biarkan Tragedi di Jalan Raya!



Sumber :
Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
Polis Diraja Malaysia (PDRM)

TIPS KESELAMATAN JALAN RAYA DI MUSIM PERAYAAN

- ✓ Pastikan kenderaan dalam keadaan baik sebelum mula perjalanan
- ✓ Pastikan keselamatan penumpang & kanak-kanak
- ✓ Rancang perjalanan dan elakkan waktu puncak
- ✓ Rehatkan diri anda pada setiap 2 jam pemanduan
- ✓ Patuhi had laju dan undang-undang

SOROTAN UTAMA STATISTIK KEMALANGAN JALAN RAYA

- ! Bilangan kemalangan jalan raya tertinggi dicatatkan pada tahun 2023 iaitu sebanyak 559,967 kes
- 📌 Tren kematian dalam kemalangan jalan raya semakin menurun pada tahun 2023 berbanding tahun 2022



"Utamakan keselamatan, agar Hari Raya lebih bermakna!"

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI 2025
MAAF ZAHIR & BATIN



@StatsMalaysia

Rangkuman Newsletter



Rangkuman Newsletter



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAPAN MALAYSIA

Selamat Hari Raya Aidilfitri 2025

Harga bahan mentah bagi menu **Ketupat** dan **Rendang Ayam**

Purata Harga Item Terpilih Bulan Januari 2025

 Beras RM 36.52 / 10kg	 Minyak Masak RM 7.02 / kg sebotol	 Bawang Putih RM 12.94 / kg	 Ayam RM 10.40 / kg
 KETUPAT		 RENDANG AYAM	
 Bawang Besar India RM 6.26 / kg		 Santan Pekat RM 13.87 / kg	

Sumber : Indeks Harga Pengguna, Januari 2025, DOSM

Disediakan oleh : ILMIA, DOSM





@StatsMalaysia






Rangkuman Newsletter



Rangkuman Newsletter



Bahagian 4

Jadual Statistik



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Jadual 1: Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri mengikut Negeri, 2022, 2023 dan 2025
Table 1: Statistics of Ramadan and Aidilfitri Bazaars by State, 2022, 2023 and 2025

Negeri State	Penduduk ('000)* Population ('000)	Bilangan gerai perniagaan** Number of business stalls			Jumlah pekerja Total number of persons engaged			Nilai jualan (RM' 000) Sales value (RM' 000)		
	2024	2022	2023	2025	2022	2023	2025	2022	2023	2025
Malaysia	34,059	61,623	77,727	96,549	156,361	203,667	281,876	2,377,447	2,518,305	3,209,508
Johor	4,186	8,266	12,671	13,630	22,423	35,417	44,525	301,857	410,999	475,767
Kedah	2,218	3,846	6,291	9,652	9,374	15,235	26,050	111,907	140,605	218,393
Kelantan	1,889	3,075	4,255	3,979	8,508	10,833	10,869	85,878	106,303	105,919
Melaka	1,047	3,757	3,321	4,009	10,239	8,393	13,108	107,134	80,968	90,004
Negeri Sembilan	1,240	2,384	3,367	4,797	5,127	7,945	13,883	61,508	78,451	120,353
Pahang	1,668	2,898	4,291	4,688	7,292	10,838	13,272	83,177	112,364	124,997
Pulau Pinang	1,801	4,342	4,680	6,832	10,098	11,695	27,226	158,746	158,755	272,301
Perak	2,570	4,845	5,648	5,988	12,689	16,434	20,548	132,342	138,416	175,926
Perlis	297	228	209	660	742	570	1,813	6,383	4,872	14,914
Selangor	7,363	12,677	12,668	15,000	31,563	32,760	38,811	632,226	564,158	667,887
Terengganu	1,232	4,321	5,247	9,453	12,133	13,312	20,045	133,450	155,080	212,126
Sabah	3,742	2,817	4,534	5,595	7,162	12,694	13,930	68,305	94,824	126,692
Sarawak	2,518	2,420	5,772	5,633	6,607	15,373	17,723	82,340	156,002	170,610
W.P. Kuala Lumpur	2,068	5,141	4,023	5,417	10,993	10,089	16,142	379,538	284,174	380,963
W.P. Labuan	101	132	308	271	297	838	823	2,623	5,417	6,933
W.P. Putrajaya	120	474	442	945	1,114	1,242	3,108	30,031	26,917	45,724

Nota.
Notes.

*Bilangan Penduduk merujuk kepada Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2024.
Number of Population refers to the Current Population Estimates, Malaysia, 2024.

**Berdasarkan kepada rekod Pihak Berkuasa Tempatan.
According to the Local Authority record.

Jadual 1.1: Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri mengikut Negeri & Daerah, 2022, 2023 dan 2025
Table 1.1: Statistics of Ramadan and Aidilfitri Bazaars by State & District, 2022, 2023 and 2025

Negeri/Daerah State/District	Penduduk ('000)* Population ('000)	Bilangan gerai perniagaan** Number of business stalls			Jumlah pekerja Total number of persons engaged			Nilai jualan (RM' 000) Sales value (RM' 000)		
	2024	2022	2023	2025	2022	2023	2025	2022	2023	2025
Malaysia	34,059	61,623	77,727	96,549	156,361	203,667	281,876	2,377,447	2,518,305	3,209,508
Johor	4,186	8,266	12,671	13,630	22,423	35,417	44,525	301,857	410,999	475,767
Batu Pahat	510	1,323	1,482	1,461	2,981	4,377	4,732	68,953	74,761	48,862
Johor Bahru	1,800	3,168	5,858	6,412	8,493	16,530	24,889	126,251	207,559	261,119
Kluang	334	1,102	1,318	868	3,023	3,684	2,188	30,433	25,399	25,536
Kota Tinggi	234	429	767	1,200	1,218	1,984	3,722	16,968	20,678	38,821
Mersing	81	130	171	176	345	504	302	3,365	3,786	4,183
Muar	323	664	639	789	1,729	1,651	1,975	12,911	16,126	23,030
Pontian	178	209	712	713	633	1,785	1,896	9,587	15,751	19,755
Segamat	205	442	302	652	1,808	823	1,607	14,065	7,588	19,440
Kulai	351	661	1,277	998	1,913	3,756	2,334	17,630	37,428	25,748
Tangkak	170	138	145	361	280	323	880	1,695	1,923	9,272
Kedah	2,218	3,846	6,291	9,652	9,374	15,235	26,050	111,907	140,605	218,393
Baling	148	350	706	619	882	1,780	1,899	8,427	16,200	22,772
Bandar Baharu	46	266	127	358	616	283	1,229	11,279	1,247	8,166
Kota Setar	382	512	1,381	1,439	1,165	3,116	4,492	13,004	30,813	38,968
Kuala Muda	571	355	765	2,482	871	2,254	5,557	8,739	16,196	58,221
Kubang Pasu	253	645	809	1,091	1,622	1,702	3,006	17,796	14,068	26,850
Kulim	352	581	909	1,159	1,384	1,992	2,775	19,385	21,428	25,881
Langkawi	100	254	310	356	706	696	782	10,012	6,588	6,200
Padang Terap	68	201	259	489	401	586	1,484	2,934	4,681	6,577
Sik	70	152	120	290	345	419	748	3,646	2,437	2,725
Yan	75	170	291	527	397	651	1,640	4,816	7,634	7,474
Pendang	102	310	564	667	873	1,656	1,911	10,582	18,330	12,497
Pokok Sena	51	50	50	175	112	100	527	1,287	980	2,063
Kelantan	1,889	3,075	4,255	3,979	8,508	10,833	10,869	85,878	106,303	105,919
Bachok	166	107	196	155	260	526	354	1,562	3,085	3,902
Kota Bharu	584	1,740	2,068	1,477	4,527	5,304	4,233	50,281	60,173	45,407
Machang	117	139	166	182	296	465	486	3,333	3,417	4,001
Pasir Mas	241	78	160	190	355	455	506	3,032	4,007	3,834
Pasir Puteh	143	199	605	476	619	1,284	519	4,499	10,185	6,367
Tanah Merah	158	290	305	675	935	819	2,000	7,384	6,076	15,958
Tumpat	189	256	220	313	727	592	775	9,571	8,266	8,095
Gua Musang	111	86	161	160	281	410	500	2,013	4,006	3,883
Kuala Krai	112	123	238	143	345	619	662	2,875	4,342	3,436
Jeli	58	57	116	208	163	299	834	1,329	2,539	11,036
Kecil Lojing	11	-	20	-	-	60	-	-	209	-

Nota.
Notes.

*Bilangan Penduduk merujuk kepada Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2024.
Number of Population refers to the Current Population Estimates, Malaysia, 2024.

**Berdasarkan kepada rekod Pihak Berkuasa Tempatan.
According to the Local Authority record.

Jadual 1.1: Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri mengikut Negeri & Daerah, 2022, 2023 dan 2025 (samb.)
Table 1.1: Statistics of Ramadan and Aidilfitri Bazaars by State & District, 2022, 2023 and 2025 (cont'd)

Negeri/Daerah State/District	Penduduk ('000)* Population ('000)	Bilangan gerai perniagaan** Number of business stalls			Jumlah pekerja Total number of persons engaged					Nilai jualan (RM' 000) Sales value (RM' 000)		
	2024	2022	2023	2025	2022	2023	2025	2022	2023	2025	2022	2023
Melaka	1,047	3,757	3,321	4,009	10,239	8,393	13,108	107,134	80,968	90,004		
Alor Gajah	261	595	650	788	1563	1607	2,756	12,795	10,118	12,954		
Jasin	156	320	405	428	895	1,255	1,358	6,732	8,001	6,779		
Melaka Tengah	630	2842	2,266	2,793	7781	5,530	8,994	87,606	62,849	70,271		
Negeri Sembilan	1,240	2,384	3,367	4,797	5,127	7,945	13,883	61,508	78,451	120,353		
Jejebu	49	43	149	144	141	298	455	747	2,610	2,276		
Kuala Pilah	72	89	50	476	176	100	1,125	1,580	992	7,684		
Port Dickson	135	271	76	444	601	152	1,420	6,374	1,515	10,439		
Rembau	49	80	198	206	145	349	419	1,104	2,466	6,032		
Seremban	713	1,679	2,165	2,601	3,579	5,163	7,480	46,305	56,100	71,826		
Tampin	91	42	361	504	77	956	1,658	1,159	6,047	13,336		
Jempol	131	180	368	422	408	927	1,326	4,239	8,721	8,758		
Pahang	1,668	2,898	4,291	4,688	7,292	10,838	13,272	83,177	112,364	124,997		
Bertong	121	200	165	178	529	446	398	3,508	3,370	4,625		
Cameron Highlands	45	55	104	130	104	281	392	1,188	1,428	2,859		
Jerantut	100	128	171	241	274	220	532	3,764	4,227	4,568		
Kuantan	571	879	1,775	1,890	2,393	4,350	5,240	32,040	54,824	56,978		
Lipis	102	142	252	110	394	603	319	2,522	5,056	3,707		
Pekan	128	180	101	227	500	276	718	7,287	3,714	5,689		
Raub	100	140	141	100	351	397	300	3,123	2,885	3,028		
Tenerloh	178	546	623	537	1,189	1,541	1,834	14,065	17,055	11,936		
Rompin	103	221	367	754	558	1,154	2,135	6,016	8,042	19,994		
Maran	119	258	427	285	691	1,115	581	6,392	8,415	7,206		
Bera	101	149	165	236	309	455	823	3,272	3,350	4,407		
Pulau Pinang	1,801	4,342	4,680	6,832	10,098	11,695	27,226	158,746	158,755	273,301		
Seberang Perai Tengah	188	1,281	1,396	2,718	2,835	3,728	10,809	48,023	55,168	102,585		
Seberang Perai Utara	443	1,157	1,284	1,377	2,586	3,190	6,033	37,621	39,675	33,386		
Seberang Perai Selatan	351	495	495	578	1,077	1,221	2,671	11,976	10,098	8,885		
Timur Laut	570	540	725	1,094	1,370	1,527	3,863	15,523	18,120	64,993		
Barat Daya	248	869	780	1,065	2,230	2,029	3,850	45,603	35,693	62,452		

Nota.
Notes.

*Bilangan Penduduk merujuk kepada Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2024.
Number of Population refers to the Current Population Estimates, Malaysia, 2024.

**Berdasarkan kepada rekod Pihak Berkuasa Tempatan.
According to the Local Authority record.

Jadual 1.1: Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri mengikut Negeri & Daerah, 2022, 2023 dan 2025 (samb.)
Table 1.1: Statistics of Ramadan and Aidilfitri Bazaars by State & District, 2022, 2023 and 2025 (cont'd)

Negeri/Daerah State/District	Penduduk ('000)* Population ('000)	Bilangan gerai perniagaan** Number of business stalls			Jumlah pekerja Total number of persons engaged			Nilai jualan (RM' 000) Sales value (RM' 000)		
	2024	2022	2023	2025	2022	2023	2025	2022	2023	2025
Perak	2,570	4,845	5,648	5,988	12,689	16,434	20,548	132,342	138,416	175,926
Batang Padang	127	60	100	148	114	265	399	901	2,387	3,619
Manjung	255	601	772	790	1,880	2,109	2,478	19,388	16,177	22,157
Kinta	923	1,270	1,805	2,097	3,796	5,405	6,613	40,271	49,648	63,718
Kerian	170	257	135	453	583	363	1,400	6,210	3,771	11,649
Kuala Kangsar	180	564	779	165	1,439	2,462	2,071	11,612	18,701	17,384
Larut dan Matang	278	779	444	879	1,668	1,351	2,483	17,292	9,566	20,448
Hilir Perak	142	288	378	340	644	945	1,355	9,774	7,640	8,716
Ulu Perak	98	158	257	91	722	625	722	3,209	4,097	5,546
Perak Tengah	99	292	298	173	691	910	529	7,406	7,620	5,060
Kampar	100	94	154	111	306	501	380	2,428	3,392	2,679
Muallim	79	293	376	434	817	1,008	1,354	8,063	10,365	9,749
Bagan Datuk	83	26	51	15	59	182	63	792	1,849	467
Selama	35	163	99	292	421	307	701	4,997	3,203	4,736
Perlis	297	228	209	660	742	570	1,813	6,383	4,872	14,914
